



KL Ceria semarak
nostalgia irama lama >> 9, 10 & 11



"Terima kasih YWP, JKM bantu
saya" - Zaiton Sameon >> 14



Cocktail
Fruity
tular raih
sambutan
luar biasa
>> 16

wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 191 ● 18 - 24 NOVEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Rosida tinjau kesan banjir di Padang Tembak

KETUA Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) **Datuk Seri Rosida Jaafar** telah turun padang di Padang Tembak bagi meninjau keadaan yang sebelum ini terkesan akibat banjir kilat baru-baru ini.

Beliau yang turut diiringi bersama-sama dengan pegawai dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Angkatan Pertahanan Awam

(APM), Syarikat Alam Flora Sdn Bhd diberikan taklimat mengenai keadaan di kawasan tersebut.

Selain itu, beberapa tindakan segera akan dijalankan untuk mengatasi isu tersebut sebagai usaha mengurangkan dan mencegah kejadian yang sama daripada berulang disebabkan cuaca ekstrem yang menyaksikan hujan lebat dan angin kuat melanda negara.

Terdahulu, KWP dan DBKL telah mengenal pasti 25 kawasan hot spot banjir di seluruh ibu negara dan telah melancarkan Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022 bagi menangani masalah tersebut.

Pada masa sama, KWP dan agensi berada di dalam keadaan siap siaga termasuk menyediakan lebih 300 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sepanjang musim monsun ini. WK



ROSIDA (tengah) mendengar taklimat daripada pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi yang terlibat mengenai kejadian banjir kilat yang berlaku di Padang Tembak baru-baru ini.

PPj terima enam anugerah duahari berturut-turut Cemerlang tadbir Putrajaya



SEMAKIN mendekati penghujung tahun 2022, Perbadanan Putrajaya (PPj) menerima banyak pengiktirafan di atas kejayaannya mengurus dan mentadbir Putrajaya ke arah Bandar Raya Pentadbiran Mampan Bertaraf Dunia.

Berjaya mengekalkan status Bandar Mampan Malaysia selama sembilan tahun berturut-turut

menyaksikan PPj mendapat pengiktirafan menerusi Anugerah Penghargaan Khas Bandar Mampan Terbaik 2022, baru-baru ini.

Malah, kejayaan PPj juga semakin berganda apabila ia turut merangkul lima Anugerah National Scroll Honour Award For Human Settlements 2022 bersempena dengan Sambutan Hari Habitat Sedunia 2022 Peringkat Malaysia.

LAGI BERITA DI MUKA 2

FADLUN (dua dari kiri) menerima Anugerah Bandar Mampan Terbaik kategori Penghargaan Khas daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Noor Azman Taib dalam Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

Produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan

Sasaran 100 peratus penggunaan tahun ini

SABRINA SABRE

DALAM usaha mencegahancaman kepada kelestarian alam sekitar akibat penggunaan plastik konvensional dan polistirena, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mensasarkan 100 peratus (%) penggunaan produk biodegradasi dan *compostable* (boleh dikompos) pada tahun ini di Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan.

Menurut Ketua Setiausaha KWP, **Datuk Seri Rosida Jaafar**, inisiatif penggunaan produk biodegradasi bertujuan menurunkan kadar penggunaan plastik sekali guna dan bekas makanan polistirena serta mengurangkan impak pencemaran kepada alam sekitar di WP.

"KWP amat prihatin dan memandang serius terhadap perkara ini kerana selain memberi kesan negatif terhadap kesihatan dan alam sekitar, ia juga mengambil masa 400 hingga 1,000 tahun untuk terurai. Di Malaysia, dianggarkan secara purata sebanyak sembilan bilion plastik digunakan oleh rakyat setiap tahun dan sebahagian besarnya juga berakhir di lautan."

"Penggunaan plastik konvensional dan bekas makanan berasas polistirena ini juga turut mengundang pelbagai masalah lain termasuklah peningkatan kos pelupusan sisa pepejal yang tinggi kepada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dan menyumbang kepada kejadian banjir kilat yang



ROSIDA (kiri) meluangkan masa melawat reruai pameran ketika Forum Pemerkaan Produk Biodegradasi Wilayah Persekutuan 2022.

sering berlaku khususnya di Kuala Lumpur," kata beliau dalam Forum Pemerkaan Produk Biodegradasi Wilayah Persekutuan 2022.

Selain itu, Rosida berkata forum ini diadakan dengan empat tujuan utama iaitu untuk memperkasakan lagi tindakan dan kesedaran berkaitan penggunaan produk biodegradasi; memperbanyak lagi produk-produk serta meningkatkan penggunaan biodegradasi dan *compostable*; memperkuuhkan tindakan usaha sama semua pihak dalam menangani penggunaan plastik melalui penggunaan produk biodegradasi dan *compostable* di WP serta meningkatkan informasi, ilmu dan kefahaman kepada semua pihak tentang inisiatif yang sedang

dijalankan.

Beliau memaklumkan pelbagai program kesedaran dan libat urus bersama masyarakat serta pemain industri juga telah dilaksanakan oleh pihak kementerian, agensi dan rakan-rakan strategik berkaitan antaranya pameran produk biodegradasi, sesi taklimat bersama pihak berkepentingan, sesi pemantauan berkala, operasi bersepada di premis-premis perniagaan di sekitar WP, serta lain-lain lagi.

"Di sepanjang pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, pelbagai isu telah dikenal pasti terutamanya yang berkaitan dengan kualiti produk, pematuhan dan kesedaran penggunaan produk biodegradasi dalam kalangan pengguna dan



ROSIDA melihat produk biodegradasi yang dipamerkan di Dewan Serbaguna KWP baru-baru ini.

warga.

"Antaranya adalah tahap ketahanan produk yang lemah (*weak resistant*), produk sukar diperolehi, harga produk biodegradasi yang mahal berbanding beg plastik biasa, produk-produk substancial yang berada di pasaran, produk yang tidak menepati keperluan pengguna dan kos pengeluaran produk agak tinggi," kata beliau.

Mengulas lanjut, Rosida berkata isu-isu seperti pematuhan penggunaan produk biodegradasi di premis perniagaan serta penjaja juga masih rendah termasuk kurang kesedaran terhadap kepentingan penggunaan produk biodegradasi.

"Kita sedar untuk mencapai tahap sifar penggunaan plastik konvensional dan bekas makanan

berasas polistirena adalah satu perkara yang sukar. Namun, saya yakin dengan komitmen dan usaha-usaha yang berterusan, lebih terancang, komprehensif serta dengan kerjasama strategik semua pihak berkaitan, *insya-Allah*, kita mampu melakukannya," ujar beliau.

Terdahulu, bagi memastikan pematuhan kepada penggunaan produk biodegradasi benar dan sah, tindakan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap produk tersebut telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2017 ke atas semua premis perniagaan di WP selaras dengan perundangan dan peraturan semasa iaitu melalui Undang-Undang Kecil Pelesenan 1 Wilayah, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan juga Trades Licensing Ordinance 1948. **W.K**

PPj terima anugerah Bandar Mampan Terbaik sempena HPBS 2022

DARI MUKA DEPAN

PERBADANAN Putrajaya (PPj) mendapat pengiktirafan istimewa menerusi Anugerah Penghargaan Khas Bandar Mampan Terbaik 2022 bersempena Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan.

Penganugerahan khas tersebut menunjukkan Putrajaya konsisten dalam kategori mampan dan komited melaksanakan Program MURNInets sejak tahun 2012 dan sentiasa melaksanakan program kemampanan di pelbagai peringkat.

Menurut Pengarah Pembangunan Mampan dan Perumahan PPj, **TPr Noor Sita Abbas**, PPj telah memperoleh skor 96.61 peratus (%) Indeks Kemampanan Bandar melalui Program MURNInets 2.0.

"Penghargaan Bandar Mampan 2022 ini merupakan antara inisiatif PLANMalaysia bagi menghargai dan memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) yang komited melaksanakan inisiatif pembangunan bandar mampan di



NOOR SITA

negara ini.

"Ia diukur melalui pengukuran Malaysia Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development (MURNInets)," ujar beliau sejurus majlis yang berlangsung di Hotel Marriot Putrajaya, pada 8 November.

Sebanyak 127 PBT telah menyertai dan dinilai melalui MURNInets iaitu 98 PBT di Semenanjung Malaysia, tiga PBT di Wilayah Persekutuan dan 26 PBT di Negeri Sabah.

"Daripada jumlah tersebut, 84 PBT (66%) berada di tahap mampan dan berjaya mencapai peratus tahap kemampanan melebihi 80%. Manakala 43 PBT (34%) mencapai status sederhana mampan dengan pencapaian peratus tahap kemampanan antara 50 hingga 79%.

Terdahulu, Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud menerima anugerah tersebut yang disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk M Noor Azman Taib.

Sehari selepas menerima Anugerah Penghargaan Khas



PARA pemenang Anugerah National Scroll Honour Award For Human Settlements 2022 bersama Fadlun (lima kanan).

Bandar Mampan Terbaik 2022, PPj sekali lagi memenangi lima anugerah National Scroll Honour Award for Human Settlements 2022 anjuran Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Bertemakan "Mind The Gap, Leave No One and Place Behind" pada tahun ini, ia diadakan bersempena Sambutan Hari Habitat Sedunia 2022 Peringkat Malaysia.

PPj mendapat tempat pertama bagi Projek Kebun Komuniti Bandar Presint 16 (KK16), Putrajaya selain merangkul empat hadiah saguhati bagi Projek Putrajaya City Trail, Fat to Fit@ Putrajaya, Our Community Our Showcase dan Tuition Mission B40 Putrajaya.

Bagi tempat pertama, PPj menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5,000 berserta trofi serta bagi saguhati pula, PPj menerima RM400 berserta sijil bagi setiap projek.

"Selaras dengan tema tersebut, PPj telah melaksanakan pelbagai projek dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk komuniti Putrajaya sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

"Ia berteraskan kepada pemeliharaan alam sekitar, kesihatan, pendidikan dan menjana peluang pendapatan kepada komuniti terutamanya semasa dan selepas pandemik yang menjelaskan kesihatan dan punca pendapatan

komuniti Putrajaya.

"Melalui projek yang dilaksanakan, komuniti Putrajaya dapat meningkatkan punca pendapatan melalui peluang perniagaan, penjualan hasil-hasil kebun dan menimba ilmu pengetahuan melalui latihan yang disediakan," ujar beliau.

Pada tahun ini, pencalonan anugerah adalah dibuka kepada individu atau organisasi yang telah berjaya memberi impak kepada pembangunan kawasan persekitaran tempat tinggal serta menjadi sebagai penggerak dalam menangani krisis dan juga merancang masa depan bandar yang inklusif, berdaya tahan dan hijau. **W.K**

Lebih 800 permohonan untuk Rumah Majlis Residensi Sungai Udang

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima lebih 800 permohonan untuk menduduki Rumah Majlis Residensi Sungai Udang di Segambut.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata permohonan itu diterima pihaknya sejurus tawaran itu mula dibuka sejak 7 Februari lalu.

"Permohonan yang diterima perlu ditapis terlebih dahulu berdasarkan syarat dan kriteria yang ditetapkan yang dikhasikan untuk golongan B40 sampai M40 secara sewaan," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penyerahan Surat Tawaran Penyewaan Residensi Sungai Udang Segambut pada Rabu.

Menurut Mahadi, Rumah Majlis ini hanya untuk sewaan sahaja disebabkan DBKL kekurangan tanah yang boleh dimajukan bagi menampung permintaan rumah di sekitar Kuala Lumpur dengan kadar sewa RM850 sebulan.

"Saya sangat percaya, jika dibuat perbandingan, harga sewaan yang ditawarkan DBKL ini adalah jauh lebih rendah berbanding harga pasaran di kawasan sekitar yang mencecah hampir RM1,500 sebulan.

"Warga kota yang mencukupi kriteria untuk menyewa Rumah



MAHADI meninjau rumah contoh Residensi Sungai Udang di Segambut pada Rabu.

Majlis Residensi Sungai Udang ini akan dapat menikmati 43.3 peratus penjimatan bagi kadar sewaan rumah," katanya.

Jelas Mahadi, Rumah Majlis ini merupakan rumah transit untuk jangka masa tiga tahun dan ia akan dinilai dari semasa ke semasa bagi membolehkan pemohon tersebut layak untuk terus menetap atau dinasihatkan untuk membeli hartanah bagi orang lain.

"Ketika ini, ia bertujuan untuk disewa sahaja dan sekiranya ia dijual, DBKL sukar untuk mendapatkan tanah disebabkan harganya semakin meningkat.

akan dinilai semula kelayakan mereka dengan membuktikan pendapatan semasa. Sekiranya didapati tidak layak, mereka dinasihatkan untuk membeli hartanah bagi memberi peluang kepada orang lain.

"DBKL berkemungkinan pada masa hadapan menghadapi



ANTARA penerima kunci Rumah Majlis Residensi Sungai Udang ketika Majlis Penyerahan Surat Tawaran.

masalah kekurangan kawasan dan pada masa sama golongan yang memerlukan rumah ini akan semakin bertambah setiap tahun dan ia perlu ditangani dengan baik," katanya.

Menurut Mahadi, sehingga kini terdapat 3,621 unit Rumah Majlis telah dan sedang dibina di empat tapak milik DBKL sekitar Kuala Lumpur iaitu di Segambut, Bandar Tun Razak, Bandar Baru Sentul dan Taman Desa Seputeh.

Residensi Sungai Udang ini

mempunyai 1,251 unit kediaman berkeluasan 807 kaki persegi yang dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air serta tempat letak kereta, gelanggang futsal, dewan serbaguna, kolam renang, taman permainan kanak-kanak, surau, bilik pengurusan jenazah serta kawalan keselamatan 24 jam.

Rumah Majlis itu juga mengandungi tiga blok bangunan dan sebuah blok dikhushuskan sebagai kuarters kakitangan DBKL. **WK**

Matlamat Pembangunan Mampan

Kerjasama UM, DBKL bantu komuniti

DIANA AMIR

SEBANYAK 17 matlamat serta 169 sasaran ditetapkan di bawah Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) dalam mengimbangi aspek sosial, alam sekitar dan ekonomi.

Malaysia dilihat amat komited untuk menyumbang terhadap pencapaian matlamat dan sasarannya dengan penubuhan Yayasan Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia (Yayasan MySDGs) yang dilancarkan pada awal tahun ini.

Namun, kefahaman masyarakat terhadap SDGs masih kurang serta kesedaran berkenaan matlamat dan sasarannya juga sangat terhad.

Menyedari perkara itu, Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Lestari Alam Malaysia menganjurkan program betemakan 'Komuniti Sejahtera, Celik SDGs' bertempat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Pantai bagi membantu penduduk setempat untuk mengetahui kepentingan SDGs.

Menurut Timbalan Pengarah di Pusat Jalinan Masyarakat UM (UMCares), **Profesor Madya Dr Noraini Ahmad**, bagi memperkenalkan SDGs kepada



SALAH satu sesi bual bicara SDGs yang membincangkan berkenaan pendidikan berkualiti.

komuniti pelbagai aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan mengikut peringkat umur.

"Masyarakat perlu cakna tentang SDGs dan UM sebagai institusi pendidikan yang terdekat di Lembah Pantai bertanggungjawab untuk memberi pendedahan kepada masyarakat di sini.

"Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah bual bicara santai berkenaan SDGs melibatkan pakar UM dan organisasi luar. Pertandingan mewarna lukisan bertemakan SDGs untuk kanak-kanak dan mewarna mural bagi kategori belia," ujar beliau program tersebut berjaya mengumpulkan hampir 200 orang peserta yang

terdiri dari pelbagai peringkat umur.

Program tersebut juga mendapat sambutan dari agensi luar seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan Kebangsaan Kanser Malaysia (NCSM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan beberapa agensi lain.

Dalam pada itu, Pengurus Persatuan Penduduk PPR Sri Pantai Mohammad Talib berkata program yang diadakan pada Oktober lalu dilihat membantu penduduk setempat untuk lebih



KANAK-KANAK diberi pendedahan berkenaan SDGs melalui aktiviti mewarna lukisan.

mengetahui kepentingan SDGs.

"Saya gembira melihat penduduk PPR Sri Pantai mendapat pendedahan tentang SDGs melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh penyelidik UM. Tanpa pendekatan seperti ini, saya tidak yakin orang awam akan tahu tentang SDGs," ujarnya.

Manakala Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat DBKL, Khairul Azlan Yusuf berkata PPR Sri Pantai merupakan komuniti pemula yang mendapat pendedahan mengenai SDGs dan DBKL turut berbangga dengan gannya.

"Diharapkan mereka dapat menyalurkan pengetahuan yang diperolehi kepada komuniti di

PPR berdekatan dan seterusnya membentuk komuniti sejahtera dan harmoni," katanya.

SDGs merupakan agenda global yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2015 dan disasarkan untuk dicapai pada 2030.

Program ke arah mewujudkan masyarakat yang sejahtera di Malaysia ini akan diteruskan agar dapat dimanfaatkan bersama oleh warga komuniti di Lembah Pantai.

Selain itu, UM turut mempelawa organisasi yang berminat untuk bekerjasama dalam pelaksanaan program dengan menghubungi Nor Azlin Mat Radi (**013-397 5909**) azlinmr@um.edu.my) untuk maklumat lanjut. **WK**

Nasib ibu tunggal terbelah, JPJ beri fi lesen percuma kepada OKU

SABRINA SABRE

K ISAH seorang ibu tunggal yang terpaksa membawa anaknya yang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan pergi bekerja sebagai penghantar makanan dilihat terbelah apabila beliau menerima bantuan pengecualian cukai jalan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) baru-baru ini.

Bantuan melalui inisiatif Pengecualian Fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan OKU itu diberikan kepada Azimah Abd Rahim, 37, selepas menerima kunjungan Ketua Pengarah JPJ, **Datuk Zailani Hashim** di kediamannya pada 8 November lalu.

Menerusi lawatan tersebut, Zailani berkata pihaknya menzahirkan rasa simpati terhadap nasib memimpin ibu tunggal berkenaan dan bersetuju memberikan beberapa bantuan termasuk pengecualian cukai jalan sebagai sebahagian inisiatif JPJ seperti yang dibentangkan di bawah Bajet 2022.



ZAILANI (dua kanan) menyerahkan lesen kendaraan motor percuma kepada Azimah bagi memudahkan urusan menguruskan anaknya.

"Selaras dengan Aspirasi Keluarga Malaysia, JPJ menawarkan bantuan kepada Azimah melalui inisiatif Pengecualian Fi LKM bagi kenderaan OKU memandangkan ibu tunggal itu belum menerima manfaat berkenaan.

"Berdasarkan semakan JPJ, Azimah memenuhi kriteria yang ditetapkan dan layak menikmati keistimewaan pengecualian fi LKM

sekali gus membantu meringankan beban kewangan beliau," jelasnya.

Menurut Zailani, inisiatif itu diberikan kepada Keluarga Malaysia yang memenuhi syarat ditetapkan seperti merupakan golongan OKU atau dikategorikan sebagai ibu bapa, penjaga serta pasangan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Mana-mana individu yang layak

dan memenuhi kriteria ditetapkan tetapi belum mendapatkan keistimewaan itu, mereka boleh hadir ke mana-mana pejabat JPJ berhampiran untuk membuat pengisytiharan kali pertama dan memohon pengecualian fi LKM untuk kenderaan OKU," tambah beliau.

Dalam pada itu, JPJ turut menyerahkan bantuan Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak (CRS), aksesori tambahan keselamatan penunggangan motosikal selain membantu menyelaras bantuan Lesen Vokasional (PSV) Azimah kelak.

Hadir sama, Pengarah JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Mohd Zaki Ismail; Pengarah JKM Kuala Lumpur, Che Samsuzuki Che Noh; Pengarah Bahagian Pelesenan Kenderaan, Abdul Rahman Emang Anyie; Pengarah Bahagian Korporat & Perancangan Strategik, Mohammad Zakhir Yusof; Pengarah Bahagian Pelesenan Pemandu, Azrin Borhan serta Pegawai-Pegawai Kanan JPJ dan JKM. **W.K**

150 kakitangan berbagai agensi sertai Seminar Penerbitan Al-Quran



DR Khairul Anwar memberi penerangan tentang pembuatan Al-Quran.

KEMENTERIAN Dalam Negeri (KDN) melalui Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PKW WPKL) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menganjurkan satu program Seminar Penerbitan Al-Quran Rasm Uthmani yang telah diadakan di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur baru-baru ini.

Program yang telah melibat-

kan lebih kurang 150 orang peserta daripada pelbagai agensi kerajaan di sekitar Kuala Lumpur telah diisi dengan dua sesi ceramah yang telah disampaikan Timbalan Pengerusi Lajnah Tasleh Al-Quran KDN, Profesor Madya Dr Khairul Anwar Mohamad.

Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk memberikan pendedahan dan kefahaman kepada para peserta mengenai kaedah Rasm Uthmani serta garis panduan yang berkaitan

dengan penulisan Al-Quran dan dhab Al-Quran yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran (LPPPQ).

Peserta turut didekah mengenai kaedah pembuatan, penulisan, pengendalian serta pelupusan kaligrafi Al-Quran bagi menjaga kehormatan ayat-ayat suci Al-Quran. **W.K**

CERITA KEDAI KOP

Elak LRT tersangkut lagi

PENGGANTUNGAN perkhidmatan Aliran Transit Ringan (LRT) dari Stesen Kelana Jaya ke Ampang Park dari 9 hingga 13 November lalu dianggap memalukan dan mencalar kredibiliti sistem pengangkutan awam di ibu negara.

Perkhidmatan dijadual digantung sehingga 15 November. Namun keluh serta rungutan orang ramai menyebabkan pengendali LRT, Kumpulan Prasarana, mengambil tindakan proaktif membela kerosakan, yang dikatakan berpunca daripada masalah Sistem Kawalan Tren Automatik (ATC).

Ekoran itu perkhidmatan disambung semula lebih awal, iaitu pada pukul 6 pagi hari Isnin 14 November. Masalah sistem tersebut dikatakan dapat diatasi. LRT berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi dan diluluskan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, memandangkan LRT adalah pengangkutan awam yang menjadi pilihan ramai, penggantungan perkhidmatan menyebabkan kesusahan kepada ramai pengguna yang bergantung kepada LRT untuk ke tempat kerja, atau urusan lain.

Sebelum ini pernah berlaku gangguan perkhidmatan. Namun pemberhentian perkhidmatan untuk beberapa hari adalah serius serta sangat menyusahkan. Pengguna terpaksa

menempuh pelbagai kesusahan untuk mencari pengangkutan awam, seperti bas atau teksi yang sentiasa terdedah kepada kesesakan lalu lintas.

Kerajaan sering menggesa orang ramai menggunakan pengangkutan awam di ibu negara sebagai salah satu cara mengurangkan kesesakan lalu lintas yang terus berlarutan serta belum mampu diselesaikan sepenuhnya sehingga kini.

Selain itu, gesa agar orang ramai tidak menggunakan kenderaan sendiri adalah bagi memenuhi matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon. Dengan itu ibu negara kurang tercemar dan udara lebih bersih dan segar.

Kerana itu sistem pengangkutan awam mesti sentiasa efisien dalam usaha menggalakkan lebih ramai warga kota menggunakanannya. Apa yang terjadi kepada LRT ini adalah satu tumparan kepada usaha menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Malah kejadian berkenaan juga boleh menyebabkan orang ramai menjadi kurang yakin dengan pengangkutan awam. Sekali kejadian berlaku, akan diingat untuk tempoh waktu yang lama.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi berharap apa yang berlaku akan menjadi pengajaran bagi mengelak kejadian sama berulang. Mesti juga ada pelan kontingen yang efektif sekiranya berlaku kejadian seperti itu agar pengguna tidak menjadi mangsa.

Apakah pun tahniah kepada Prasarana kerana berjaya memendekkan tempoh penggantungan perkhidmatan dan dengan itu mengurangkan

masalah orang ramai. Diharap orang ramai juga akan terus memberi keyakinan menggunakan perkhidmatan LRT.

Tebang pokok tua, berbahaya

MUSIM hujan ribut sekarang begitu membimbangkan, terutama bagi pengguna jalan raya. Ini memandangkan terdapat banyak pokok tua di merata tempat di Kuala Lumpur yang boleh mendatangkan risiko besar kepada mereka.

Dibimbangi dahan pokok patah menghempap kenderaan atau orang awam. Malah lebih dibimbangi pokok tumbang yang tentunya mendatangkan bahaya lebih besar. Boleh menyebabkan kecederaan, malah meragut nyawa.

Sebenarnya kejadian seperti ini sudah kerap berlaku. Antara yang terbaaru ialah pokok tumbang mengorbankan satu nyawa dan enam lagi cedera di Taman Maluri, Cheras. Beberapa buah kenderaan juga turut musnah dalam kejadian ketika hujan lebat dan angin kencang.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, siasatan Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati pokok tumbang berpunca daripada masalah akar.

Jabatan tersebut juga telah menjalankan pemeriksaan terhadap hampir 1,000 pokok di sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

Unsur, kejadian seperti ini sudah pernah berlaku, dan pemeriksaan pokok juga dijalankan oleh DBKL. Namun masalah sama masih berulang. Orang awam, khususnya warga kota, ingin tahu

apakah tindakan diambil oleh DBKL susulan kerja pemeriksaan yang dilakukan?

Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, DBKL harus tegas memusnahkan pokok yang sudah tua dan berisiko tumbang atau dahannya patah. Memang benar kehadiran pokok penting untuk mengimbangi pembangunan hutan batu, tanpa mengabaikan aspek kehijauan persekitaran.

Tetapi tidak ada makna jika pokok yang menghijaukan ibu kota menjadi punca kemudarat kepada penduduknya. Menghijaukan ibu kota memang penting, namun tidak boleh dikompromi dengan keselamatan orang ramai.

Kebanyakan pokok yang ditanam di beberapa kawasan di Kuala Lumpur adalah 'pokok segera', iaitu pokok yang membesar di kawasan lain digali dan ditanam di kawasan tertentu. Ertinya pokok ini bukan ditanam daripada awal di tempat ia membesar.

Kerana ia pokok segera, kekuatan akarnya tidak sama kukuh dengan pokok yang ditanam dari awal. Lantaran itulah pokok ini lebih sensitif kepada tiupan angin kencang dan hujan ribut. Akarnya tidak cukup kuat memegang pokok dalam cuaca seperti itu. Kerana itu pokok mudah tumbang.

Mungkin satu cara yang boleh dilakukan oleh DBKL ialah menentukan tempoh usia setiap batang pokok yang ditanam. Apabila sampai pada usia tersebut, ia perlu ditebang dan diganti dengan pokok baharu.

Pemeriksaan pokok mesti dilakukan secara berterusan. Jangan hanya apabila berlaku sesuatu kejadian tidak diingini baru sibuk hendak bertindak. Benar, kemalangan tidak dapat diduga. Namun langkah pencegahan mesti diambil.



PERTANDINGAN LAMAN CANTIK PUTRAJAYA 2022

KATEGORI A

**RUMAH
KUARTERS**


BANGLO KUARTERS



KEMBAR KUARTERS

TERES TEPI KUARTERS
(CORNER LOT/END LOT)

KATEGORI B

**RUMAH
PERSENDIRIAN**

BANGLO PERSENDIRIAN



KEMBAR PERSENDIRIAN

TERES TEPI PERSENDIRIAN
(CORNER LOT/END LOT)

HADIAH SETIAP KATEGORI
(SAMA BAGI KATEGORI KUARTERS & PERSENDIRIAN)

TEMPAT PERTAMA
RM **1000**

TEMPAT KEDUA
RM **800**

TEMPAT KETIGA
RM **700**

TEMPAT KE-4
RM **600**

TEMPAT KE-5
RM **500**

TEMPAT KE-6 - 10
RM **300**



SILA IMBAS
QR CODE UNTUK
SYARAT-SYARAT
& PENDAFTARAN

TEMPOH PERTANDINGAN:
17 OKTOBER - 1 DISEMBER 2022

**TERBUKA KEPADA
KOMUNITI PUTRAJAYA
SAHAJA**

**MAKLUMAT LANJUT,
SILA HUBUNGI URUSETIA:
03-8887 7756**



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

MARILAH mari/pergi mengundi/jangan lupa tanggungjawab/pada negara." Walaupun lagu itu berkumandang lima tahun sekali, akan tetapi mengembalikan kenangan zaman kanak-kanak yang telah lama berlalu. Mendengar lagu itu seolah-olah masa tidak bergerak – saya masih kanak-kanak.

Demikian pesonanya lagu Marilah Mengundi yang dicipta oleh Johari Salleh dan kali pertama dinyanyikan oleh Zainal Alam sempena hari mengundi pertama tahun 1956. Kemudian terus menjadi lagu wajib apabila menjelangnya hari mengundi atau pesta perang bendera.

Lagu Marilah Mengundi pantas menyelak helai-heliai kenangan yang tertinggal jauh di garis kehidupan. Kenangan yang sedemikian manis itu sangat bererti kepada saya, seorang kanak-kanak dalam menikmati peristiwa yang melintas dalam hidup.

Sejak zaman kanak-kanak lagi lagu itu melekat di ingatan. Lirik dan suara garau Zainal Alam sentiasa basah dalam kenangan. Sekalipun hampir lebih setengah abad berlalu, indahnya lagu itu dan peristiwa perang bendera pada zaman kanak-kanak tetap tidak berubah.

Ketika itu Radio Malaysia kerap menyiarkan lagu Marilah Mengundi. Diulang-ulang entah berapa puluh kali sehari berselang-seli lagu-lagu pop akhir era 1960-an. Siaran Radio Malaysia adalah satu-satunya jalur hiburan dan perhubungan antara kerajaan dengan orang kampung.

Berkumandangnya lagu itu menandakan bermula satu pesta menjelang hari mengundi. Kampung kelahiran saya di Perlis yang jauh di pedalaman tiba-tiba meriah dan dikunjungi tetamu dari luar. Bendera gambar kapal layar dan bulan bintang pun berjajar-jajar meluk lantok dialun deru angin musim kering.

Demikian pengalaman pada hari-hari menjelang mengundi yang berbaki di ingatan saya. Ketika itu tahun 1969 pada musim menuai dan saya baru berusia sembilan tahun. Baru darjah tiga di Sekolah Kebangsaan Ujong Batu, Utan Aji, Perlis.

Ingatan pada saat-saat yang penuh suasana kepestaan itu jauh lebih berbekas berbanding mengundi tahun 1964, ketika berusia empat tahun. Ketika itu saya hanya ingat didukung ibu ke satu tempat orang ramai dan berbaris panjang. Setelah bersekolah menengah barulah saya tahu bahawa peristiwa itu adalah hari mengundi 1964.

Akan tetapi ketika berusia sembilan tahun ingatan terhadap suasana menjelang hari mengundi lebih jelas dan rinci. Malah masih ingat ketika itu musim menuai di kampung kami. Sawah mereka sudah dituai padinya. Saban hari angin kering dan dingin dari timur laut bertiu dengan kencang.

Sekiranya bukan musim mengundi, waktu-waktu begitu selalunya ada orang kampung membuat kenduri beras baharu. Makan dengan gulai ikan haruan atau puyu. Tidak ketinggalan ikan sepat benua kering atau sepat jawa yang disebut juga sebagai sepat ronggeng.

Bayangan tentang zaman itu lebih lengkap dan tersusun. Pengalaman menikmati keseronokan pada tradisi yang dilestari di kampung tengah sawah itu sangat mempesonakan. Ini termasuklah pesta menjelang hari mengundi.

Suasana menjadi meriah apabila orang kampung berpuspu-pusu ke majlis ceramah dan kenduri-kendara di sana sini. Di kampung saya waktu itu kenduri makan daging kerbau hanya apabila ada majlis perkahwinan. Itu pun hanya yang kelas berada sahaja mampu menumbangkan kerbau.

Akan tetapi menjelang hari mengundi ada kenduri di sana sini walaupun tidak ada majlis perkahwinan. Kenduri itu hanya untuk makan-makan kemudian ada sedikit ceramah oleh tetamu dari luar. Acaranya tidak putus-putus. Sebelah malam di tempat yang lain ada ceramah – begitulah riuhnya kampung kami hingga hari mengundi.

Bangsar ceramah selalunya diterangi oleh dua atau tiga lampu gasolin yang perlu dipam apabila cahayanya mulai malap. Cahayanya yang terang membuatkan saya dan rakan sebaya berkejaran sakan. Malah sanggup main sorok-sorok di dalam timbunan jerami. Miang dan gatalnya jerami tidak tergambarkan, akan tetapi keseronokan membuatkan kami terlupa penyelesaian selepas itu.

Seingat saya ketika itu belum



PELUANG keluar mengundi perlu direbut oleh rakyat bagi membentuk sebuah kerajaan negeri yang stabil.

ada yang menyebut istilah ‘pilihan raya.’ Saya tidak pernah mendengar orang tua-tua di kampung menyebut pilihan raya. Mereka hanya berkata mengundi pada sekian-sekian hari sahaja. Malah lagu pun hanya menyebut ‘marilah mari pergi mengundi.’

Peristiwa menjelang hari mengundi membuatkan saya ingat kepada beberapa nama yang selalu disebutkan dalam ceramah. Ayah dan kawan-kawannya juga selalu menyebut nama-nama itu ketika bersempang di rumah saya. Satu pun saya tidak kenal.

‘Tunku’, ‘Mat Asri’ ‘Tok Sheikh’ dan ‘Sukarno.’ Ayah juga selalu menunjukkan surat khabar tulisan jawi kepada kawan-kawan. Ada gambar nama-nama yang selalu disebut itu. Yang disebut sebagai Tunku itu selalu memakai songkok dan cermin mata tebal.

Di kampung, ayah pembaca surat khabar jawi. Di belakang pintu rumah ada tersusun surat khabar jawi yang ayah selalu ulang baca apabila ada masa terluang. Ibu selalu berpesan supaya tidak mengoyak surat khabar jawi itu untuk dijadikan roket atau perahu kertas.

Apabila berada di sekolah menengah saya pula menjadi pembaca tegar surat khabar *Utusan Malaysia* di perpustakaan. Hampir setiap hari mencuri masa untuk membaca surat khabar itu. Kerap juga ternampak gambar kapal layar dalam surat khabar walaupun bukan musim mengundi.

Dari situ saya mendapat tahu bahawa ‘Tunku’ yang selalu

disebut ayah itu adalah Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, ‘Mat Asri’ pula adalah Mohd Asri Muda Presiden Parti Pas dan Menteri Besar Kelantan. ‘Tok Sheikh’ pula adalah Datuk Sheikh Ahmad Hashim iaitu Menteri Besar Perlis dan ‘Sukarno’ pula adalah Presiden Indonesia.

Pada tahun 1986, ia merupakan kali pertama menyaksikan suasana menjelang hari mengundi ketujuh di Kuala Lumpur. Keadaannya sangat berbeza dengan ingatan yang terpahat pada zaman kanak-kanak dulu. Kanak-kanak di kota tentu tidak ada kenangan semanis saya di kampung dulu.

Orang-orang parti di Kuala Lumpur tidak pakai capal buruk yang senget tumitnya seperti di kampung dulu. Mereka kaya dan berharta sekalipun kerja untuk parti adalah ‘percuma.’ Saya terpesona dengan ‘pengorbanan’ besar mereka yang menjadi kuli kepada rakyat.

Saya menceritakan kepada arwah ayah

“Bangsal ceramah selalunya diterangi oleh dua atau tiga lampu gasolin yang perlu dipam apabila cahayanya mulai malap. Cahayanya yang terang membuatkan saya dan rakan sebaya berkejaran sakan. Malah sanggup main sorok-sorok di dalam timbunan jerami. Miang dan gatalnya jerami tidak tergambarkan, akan tetapi keseronokan membuatkan kami terlupa penyelesaian selepas itu.”

tentang mewahnya orang parti di Kuala Lumpur. Ayah senyum. Akan tetapi sinisnya terasa sangat tajam menikam. Saya pun diam, tidak tahu hendak diulaskan apa-apa lagi.

Esok (19 November 2022) hari mengundi ke-15 dalam sejarah negara. Walaupun lagu Marilah Mengundi tidak berkumandang, hari mengundi tetap berlangsung lebih awal daripada sepatutnya. Marilah mari kita mengundi.



SAJAK INSAN SERUPAMU SUKAR KUJUMPA DI SELA-SELA HARI

Kau selalu mengalah dalam segenap hal diam ketika disepile atau dinista tak bermakna harus terpuruk ke dalam kehinaan mampu ukirkan senyum di bibir semanis harapan saat menyambut perantau balik ditunggu bertahun tanggung rindu sedangkan hati kuyup ditimpai kesedihan

Orang-orang sekeliling menganggapmu lelaki dewasa degil berdepan sulit dan uji tak pernah mundur pejuang berdada merah menghapuskan kebatilan demi tertegak kalimah suci diwahyukan semalam seperti angin bertiup semangat itu menerobosi batinku lalu berkobar

Insan serupamu sukar kujumpa di sela-sela hari mengagumkan banyak orang kecuali yang berhati kabur cermin tak sanggup pantulkan wajah sebenar dalam bayangan semacam doa ramai jadikan keperibadianmu sebagai patokan.

Mohd Adid Ab Rahman
Taman Jus Perdana, 77500 Selendar, Melaka.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Esok mengundi, pilih dengan teliti

ESOK Sabtu 19 November hari penentuan. Rakyat Malaysia mengundi pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15. Semua pengundi yang layak dan berdaftar akan memilih kerajaan baharu untuk tempoh lima tahun akan datang.

Untuk PRU ini, Daftar Pemilih Tambahan bulan Ogos 2022 yang dikemas kini sehingga 9 Oktober 2022 akan diguna pakai. Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), jumlah pengundi berdaftar ialah 21,173,638 orang. Sejumlah 20,905,366 adalah pengundi biasa dan selebihnya pengundi pos. PRU ini menelan belanja RM1.01 bilion.

Sebanyak 222 kerusi parlimen seluruh negara dipertandingkan. Bagi Dewan Undangan Negeri (DUN), hanya tiga negeri mengadakan pilihan raya, melibatkan 441 calon merebut 117 kerusi di Perak, Pahang dan Perlis.

Negeri Selangor, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kedah tidak membubarkan DUN masing-masing sehingga tamat tempoh pada Mei tahun hadapan. Negeri Johor dan Melaka baru mengadakan Pilihan Raya Negeri (PRN) dan tempohnya masih lama. Begitu juga Sabah dan Sarawak, kecuali DUN Bugaya di Sabah.

PRU-15 dianggap meriah kerana semua kerusi parlimen ditandingi, melibatkan 945 calon keseluruhannya, paling ramai dalam sejarah PRU negara. Sementara bagi kerusi DUN, 441 calon bertanding. Selain di Pahang, Perak dan Perlis, ialah kerusi N66 Bugaya, Sabah.

Kerusi Bugaya merupakan Pilihan Raya Kecil (PRK) mengisi kekosongan berikutan kematian penyandang, Manis Muka Mohd Darah daripada Warisan akibat sakit buah pinggang. Sepatutnya PRK diadakan pada Januari 2021 tetapi ditangguhkan kerana pengisyiharan darurat di kawasan berkenaan yang kini ditarik balik.

Menurut pecahan kerusi parlimen, Pakatan Harapan (PH) meletakkan paling ramai calon iaitu 206 orang, diikuti Barisan Nasional (BN) seramai 178 orang. Perikatan Nasional (PN) meletakkan 149 calon dan Pejuang 116 calon. Parti Warisan Sabah (Warisan) pula 52 calon. Selebihnya adalah calon-calon parti lain, terutama dari Sabah dan Sarawak.

Calon Bebas pula berjumlah 108 orang, menjadikannya jumlah paling ramai dalam sejarah PRU negara. Pada PRU-13 dan PRU-14, masing-masing mencatatkan 79 dan 24 orang sahaja calon Bebas.



PENGUNDI PRU-15 disaran memilih calon yang mampu berbakti kepada kawasan masing-masing bagi mengelak tertipu dengan janji manis ditawarkan parti politik.

Pecahan menurut negeri, Selangor mencatat calon parlimen paling ramai iaitu 124 orang, diikuti Sabah (119), Perak (100), Johor (96), Sarawak (92), Kedah (68), Kelantan (63), Pulau Pinang (58), Pahang (55), Kuala Lumpur (52), Negeri Sembilan (35), Terengganu (33), Melaka (25) dan Perlis 13 calon. Putrajaya dan Labuan masing-masing enam calon.

Bagi kerusi DUN pula, BN meletakkan 117 calon, PN dan PH masing-masing 116 calon, Pejuang (45), Warisan (18) dan Bebas 24 calon.

Angka calon yang Adi catat bertujuan menggambarkan betapa meriahnya PRU kali ini, berbanding PRU-14. Ketika itu persaingan parlimen melibatkan hanya 687 calon dan 1,646 calon bagi kerusi DUN.

Lebih menarik ada yang melibatkan persaingan sehingga 10 penjurur, iaitu

di parlimen Batu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Inilah jumlah paling ramai direkod dan merupakan sejarah kerana belum pernah berlaku persaingan sebegini ramai.

Di parlimen lain ada melibatkan persaingan sembilan penjurur, contoh di Ampang, Selangor. Persaingan lapan penjurur pula di Kota Raja, Bangi dan Sepang. Pada peringkat DUN, Chenderiang di Perak membariskan paling ramai calon, iaitu tujuh orang.

Tiada calon menang tanpa bertanding pada PRU-15. Agaknya ini sudah menjadi sejarah. Kini semakin ramai calon, baik daripada parti tertentu, atau calon Bebas, berminat menawarkan diri menjadi Yang Berhormat (YB).

Ramai yang hendak menjadi wakil rakyat walaupun peluang di kalangan calon Bebas dianggap tipis. Mungkin mereka serius hendak bertanding, atau

SKETSA



“Pada Adi, undi golongan 18 tahun ini sangat penting walaupun nisbahnya tidak tinggi berbanding pengundi kategori lain.

Undi mereka boleh menentukan kalah menang calon, malah membantu menentukan parti mana membentuk kerajaan.

mungkin juga untuk seronok-seronok. Tetapi bagi Adi, kenalah juga bersedia menerima hakikat bakal kehilangan wang deposit.

Apa pun pada pandangan Adi, jumlah yang begitu ramai bersaing menampakkan amalan demokrasi berkembang subur di negara ini. Sesiapa juga yang teringin dan layak bertanding, tidak dihalang. Kalah atau menang itu adat bertanding.

Pada PRU kali ini juga menyaksikan pengundi berumur 18 tahun memasuki gelanggang buat pertama kali. Tentu ramai yang ghairah untuk membuat undi dan julton kali merasai suasana di tempat mengundi. Pastinya ia pengalaman baru yang akan sentiasa diingat.

Daripada lebih 21 juta pengundi berdaftar untuk PRU-15, sejumlah 1.14 juta adalah pengundi 18 tahun. Jumlah pengundi belia, iaitu umur 18 hingga 40 tahun, adalah 12.2 juta atau 58 peratus daripada jumlah pengundi.

Pecahannya kawasan bandar 85 peratus, semi bandar 92 peratus dan luar bandar 91 peratus. Selainnya adalah pengundi dewasa dan warga emas yang tentunya sudah berkali-kali memangkah dalam PRU.

Pada Adi, undi golongan 18 tahun ini sangat penting walaupun nisbahnya tidak tinggi berbanding pengundi kategori lain. Undi mereka boleh menentukan kalah menang calon, malah membantu menentukan parti mana membentuk kerajaan.

Jangan anggap ringan pengundi ini, atau menyifatkan mereka masih belum cukup matang memilih calon untuk diundi. Perlu diingat, mereka adalah generasi masa kini yang sangat sebatи dengan teknologi maklumat serta media sosial.

Pendedahan kepada kemudahan komunikasi ini memberi mereka peluang menghayati calon dan parti bertanding serta misi perjuangan andainya terpilih jadi wakil rakyat, atau jika berjaya membentuk kerajaan.

Walaupun muda, Adi rasa mereka memiliki pemikiran kritis dan tajam untuk menilai apa yang disajikan kepada mereka. Dari situ mereka boleh

membuat pemilihan wajar berdasar keyakinan sendiri.

Kerana itu Adi fikir tidak wajar membuat andaian atau kesimpulan bahawa pengundi muda akan lebih menjadi ‘pak turut’, iaitu memilih berdasarkan pilihan ibu bapa atau keluarga, atau rakan-rakan dan kenalan.

Hakikat bahawa lebih separuh daripada jumlah pengundi, atau 58 peratus terdiri daripada golongan belia, menyerlahkan golongan ini memainkan peranan besar dalam menentukan arah pengundian kali ini. Mereka menjadi watak penting menentukan prestasi parti dan calon bertanding.

Namun yang ingin Adi tekankan, walau di mana jua kita berada atau mengundi di kawasan mana, keluarlah beramai-ramai menunaikan tanggungjawab.

Setiap undi sangat berharga dan besar nilainya. Jangan dilepaskan peluang sama-sama melaksanakan hak dalam negara demokrasi.

Fikir dan timbang dengan teliti sebelum memangkah. Nilai dengan mendalam sejarah perjuangan parti yang bertanding, perwatakan calon serta manifesto dan janji yang diluahkan semasa berkempen.

Siapa juga yang hendak dipangkah adalah hak peribadi. Tiada siapa boleh memujuk, apatah lagi memaksa. Namun buatlah pemilihan dengan berhati-hati, berdasarkan prestasi dan bukan emosi. Undi kita menentukan masa depan negara dan rakyat keseluruhannya.

Adi—Warga Perak, mengundi di KL

Adi Taib



SETIA DI PERBATASAN
(Buat Wira Negara)

Sedang kota riuh-rendah pekikan dan laungan menjadi nyanyian kebebasan ada manusia bersengkang mata berlumpur darah di perbatasan cekal dalam ketaatan pelukan ayah ibu adalah sebuah kekuatan tawa anak isteri episod sebuah kerinduan

Walau siapa kerajaan taat setia pada Tuhan patuh pada raja berjuang untuk tanah ibunda tanda sebuah cinta cinta seorang pahlawan.

A.Affendi0937 @ Lekir Puchong.

Mudahkan pergerakan warga emas

YWP sumbang tongkat kaki

HAZIRAH HALIM

IMPIAN wanita warga emas, Aliah Maarof, 74, untuk memiliki alat sokongan berjalan akhirnya tercapai apabila Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama kepimpinan di Parlimen Lembah Pantai tampil menghulurkan bantuan tersebut di rumahnya, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** menjelaskan YWP telah menyumbangkan satu unit tongkat kaki empat jenis Aluminium Walker EL 6001 kepada Aliah bagi memudahkan pergerakannya.

“YWP mendapat maklumat yang menyatakan Mak Cik Aliah menghidap penyakit sakit urat saraf selepas pembedahan lutut pada tahun lepas dan hanya



ZAIZNIZAM

menggunakan kerusi roda untuk bergerak ke mana-mana.

“Malah, difahamkan dia juga tidak mendapat sebarang bantuan daripada mana-mana pihak setakat ini. Justeru itu, kami mengambil peluang membantu serta mengharapkan pergerakannya selepas ini lebih mudah.”

“Alhamdulillah, secara tidak langsung, bantuan ini dapat merealisasikan hasrat Mak Cik Aliah yang selama ini menginginkan alat bantuan sokongan untuk berjalan,” kata beliau ketika ditemui Wilayahku.

Dalam pada itu, YWP juga turut berbesar hati menghulurkan sumbangan berupa wang tunai secara one-off sebagai belanja tambahan untuk menampung perbelanjaan harian Aliah dan keluarganya.

“Saya difahamkan Mak Cik



MAK CIK Aliah (duduk) menerima tongkat kaki empat jenis Aluminium Walker EL 6001 oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) di rumahnya baru-baru ini.

Aliah kini tinggal bersama anaknya yang sudah bekeluarga namun anaknya itu tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Walaupun nilainya tidaklah besar namun diharapkan ia dapat mencukupkan wang bagi membiayai kos

perubatan.

“Kita di YWP sentiasa prihatin terhadap warga Wilayah Persekutuan yang berada dalam kesusahan,” ujar beliau menjelaskan fungsi YWP bertujuan untuk menjaga kebajikan, sosial

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

dan ekonomi warga wilayah.

Sementara itu, Aliah Maarof ketika dihubungi Wilayahku menjelaskan dia berada dalam keadaan sihat dan turut mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan kesedian pihak YWP membantunya.

Terdahulu, sumbangan itu telah disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Ramlan Askolani bersama kakitangan YWP yang mewakili Datuk Zaizalnizam Zainun. **W.K**

MCMC promosi peranan PEDi menerusi Hari Bersama Komuniti

PROGRAM Hari Bersama Komuniti Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) yang bertujuan mempromosikan perkhidmatan, peranan dan fungsi PEDi kepada komuniti setempat akan diadakan di semua negeri seluruh negara dalam siri Jelajah Hari Terbuka Komuniti PEDi.

Pengarah Negeri Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Wilayah Persekutuan, **Alyas Roy Amir** berkata program ini juga bertujuan untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan PEDi.

“Program ini adalah antara

inisiatif kerajaan dan agenda utama PEDi dalam membangunkan dan memperkasakan ekonomi rakyat melalui transformasi digital agar masyarakat di luar bandar dan kawasan miskin bandar khususnya boleh memperkasakan diri dalam kegiatan ekonomi serta menambah pendapatan mereka melalui aktiviti ekonomi secara digital.

“Pelaksanaan program ini juga dapat memperkenalkan kepada penduduk setempat yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur terhadap program-program dan inisiatif yang ditawarkan PEDi termasuklah keusahawanan, ICT dan sebagainya,” katanya sejurus merasmikan Program Hari Bersama



Alyas (tiga dari kiri) bergambar bersama Pegawai Polis yang mewakili ASP Mohd Nor Md Hanapiyah pada program Hari Bersama Komuniti PEDi Peringkat Setiawangsa, Ahad lalu.

Komuniti Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) Peringkat Setiawangsa di Dataran Dewan PPR Seri Semarak, baru-baru ini.

Tambah Alyas, secara tidak langsung, program ini juga dijadikan sebagai platform untuk menyalurkan informasi penting

berkaitan program dan inisiatif yang dilakukan kerajaan di bawah (MCMC) dan jabatan-jabatan serta mengetengahkan hak rakyat sebagai pengguna perkhidmatan telekomunikasi selain panduan dan nasihat bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa jenayah siber.

“Sehubungan itu saya menyeru dan menggalakkan seluruh rakyat ini khususnya warga Wilayah Persekutuan agar mendaftar sebagai ahli di mana-mana PEDi di seluruh negara dan seterusnya menikmati manfaat yang boleh diperolehi daripadanya,” katanya menjelaskan seramai 120 orang telah mendaftarkan diri sebagai ahli baru PEDi ketika program dilaksanakan. **W.K**

Kemiskinan bukan halangan, pelajar miskin tegar terus bantu

DEEL ANJER

“HARTA benda akan habis tetapi ilmu yang bermanfaat akan kekal,” kongsi Senior Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Zaleha Dullah**, 38.

Berkhidmat di YWP selama tujuh tahun dan pernah berada di bahagian pendidikan Zaleha memberitahu, antara sumbangan YWP yang cukup memberi kesan positif kepada rakyat adalah bantuan pendidikan.

Zaleha berkata pelbagai jenis kategori bantuan pendidikan yang ditawarkan oleh YWP kepada pelajar dari sekolah rendah sehingga ke Institusi Pengajian Tinggi kerana mereka menyedari kepentingannya kepada anak-anak

muda.

“Tanpa pendidikan, agak sukar untuk masyarakat maju khususnya golongan miskin tegar. Kalau beri harta, ia takkan kekal lama, tetapi ilmu mampu mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan,” ujarnya.

Kongsinya, dia pernah terlibat dalam menyampaikan bantuan makanan kepada pelajar sekolah miskin tegar di Labuan dan melihat ramai

di antara mereka tidak mampu untuk ke sekolah kerana tiada wang untuk makan.

“Mereka juga terpaksa berjalan kaki sejauh dua kilometer untuk ke sekolah. Menyedari hal itu, YWP menanggung makanan harian mereka di sekolah. Malah makanan diberikan itu cukup lengkap dengan khasiat seperti mana yang



SESI perjumpaan penerima bantuan pemakanan anjuran YWP di Labuan pada 2019.

diperlukan oleh pelajar,” ujarnya tersentuh melihat kesungguhan pelajar miskin dalam menuntut ilmu.

Menurut Zaleha, YWP akan terus membantu pelajar-pelajar miskin di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan agar mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran.

“Saya mewakili YWP sangat

mengalukan dan berharap agar pihak di luar sana tampil membantu atau memberikan sumbangan demi pendidikan dan masa hadapan anak-anak muda ini.

“Bantuan pendidikan ini adalah penting kerana mereka inilah yang akan menjadi pemimpin negera suatu hari nanti,” tambahnya lagi. **W.K**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

RODA KOTA

18 - 24 NOVEMBER 2022. Bil 191

Wilayah Ku



KL Ceria semarak nostalgia irama lama

MUZIK yang berkualiti takkan lekang dek panas, tak lapuk dek hujan. Malah ia akan kekal malar segar zaman berzaman.

Justeru, bagi mengimbau kembali irama popular era 60-an sehingga 90-an, Unit Muzik Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Program KL Ceria bertempat di Dataran Medan Pasar dan Taman Tasik Titiwangsa bertemakan genre reggae, pop dan rock.

Malah disebabkan sambutan yang diterima amat menggalakkan, maka DBKL bersetuju untuk menjadikannya aktiviti tahunan.

SAMBUNGAN DI MUKA 10

Kembalikan kegemilangan era muzik lalu



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
DIANA AMIR

DARI MUKA 9

NOSTALGIA irama muzik lama yang pernah popular pada era 60-an hingga 90-an mempunyai pengikutnya yang tersendiri. Zaman kegemilangannya suatu ketika dahulu disegarkan dengan gelagat dan tarian yang dibawa mengikut gaya tersendiri.

Namun, era kegemilangan tersebut semakin hilang ditelan zaman dan kini irama-rama lama tidak lagi didendangkan kepada masyarakat sehingga ada segelintir golongan muda yang tidak mengenali lagu-lagu yang pernah popular pada suatu ketika dahulu apatah lagi penyanyi asal lagu tersebut.

La berlaku seiring dengan perubahan zaman, di mana genre muzik yang lebih moden menjadi pilihan pendengar kini dan sering diputarkan di corong-corong radio.

Menyedari perkara itu, Unit

Muzik Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil inisiatif menganjurkan Program KL Ceria bertempat di Dataran Medan Pasar dan Taman Tasik Titiwangsa pada 12 dan 13 November yang lalu.

Menurut Penolong Penerbit Unit Muzik Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, DBKL, **Albert Arokia Nathar** program tersebut diadakan bagi menyemarakkan kembali irama lama serta memperkenalkannya kepada generasi kini tentang keindahan muzik yang pernah popular pada suatu ketika dahulu.

“Seperti yang kita lakukan di dua lokasi baru-baru ini, kita mempunyai dua konsep berlainan di mana muzik reggae di Dataran Medan Pasar yang mana rata-rata pengunjung adalah dari golongan muda.

“Manakala di Taman Tasik Titiwangsa pula konsep konsert terbuka digunakan di mana lagu-lagu pop dan rock didendangkan

yang menyaksikan pengunjung terdiri daripada kaum keluarga yang mana seperti kita tahu lokasi tersebut popular dengan aktiviti riadah,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Albert berkata meskipun diadakan dalam keadaan hujan renyah, namun Program KL Ceria mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai golongan dan lapisan masyarakat.

“Melihat kepada sambutan warga kota, kita akan menjadikan program ini sebagai salah satu aktiviti tahunan DBKL di mana konsert percuma diadakan bagi menghiburkan orang ramai,” ujarnya pemilihan lokasi adalah di sekitar taman-taman milik DBKL dan ia juga merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan ekonomi di lokasi terpilih.

Tambahnya lagi pemilihan artis pulu dilakukan berdasarkan konsep

genre yang ditetapkan.

“Setiap lokasi menarik pengunjung yang berbeza dan pemilihan artis berdasarkan konsep sebagai contoh lagu 60-an, kita akan cuba dapatkan penyanyi asal bagi sesbuah lagu tersebut seperti Datuk Jeffrydin. Sekiranya tiada penyanyi asal, kita akan cari penyanyi lain untuk menyanyikan semula lagu itu. Yang penting kita akan mengekalkan keaslian sesbuah lagu tersebut.

“Program ini juga dalam masa yang sama membantu artis-artis lama untuk mencari makan semula dan memberi nafas baharu buat mereka kerana ramai yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19,” ujarnya.

Dalam pada itu, Albert turut mengharapkan Program KL Ceria ini akan terus mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai di setiap lokasi.

“Kita akankekalkan program ini dan diharapkan warga kota dapat

hadir memeriahkan serta memberi sokongan terhadap konsert percuma yang diadakan khas buat mereka ini.

“Saya amat berpuas hati dengan sokongan yang ditunjukkan oleh warga kota selama dua hari program ini dijalankan. Kalau ikutkan di Dataran Medan Pasar tempoh hari, cuaca hujan jadi saya risau tidak ada pengunjung namun sebaliknya yang berlaku memandangkan muzik reggae ini mempunyai pengikutnya tersendiri,” kongsinya konsert percuma ini juga menggantik semula kenangan buat mereka yang berusia 30 ke atas apabila mendengar lagu-lagu popular ketika zaman mereka membesar.

Terdahulu, Program KL Ceria yang diadakan di Dataran Medan Pasar dan Taman Tasik Titiwangsa bermula pukul 4.30 petang sehingga 7 malam menghimpunkan barisan-barisan artis seperti Aru Perizza & The Republic, Joe PV, Jahvalion, Baggio Damasutra, Othman Hamzah, Nadia Hasnan, Datin Salwa Abdul Rahman dan ramai lagi. **WK**



ANTARA artis dan pengunjung yang hadir dalam Program KL Ceria di Taman Tasik Titiwangsa.

Putihkan persepsi terhadap muzik Reggae-Aru



FOTO: AMIN FARJU HASAN
HAZIRAH HALIM

SEKITAR tahun 1970-an hingga 1990-an, muzik reggae mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia sehingga munculnya banyak band reggae dan ska terutama secara



ARU PERUZZA

underground seperti Nonama; Republic of Brickfields; Plague of Happiness; Gerhana Ska Cinta; Skudap Skudip dan Salam Muzik.

Sungguhpun ia banyak melahirkan *band-band* di Malaysia, namun industri muzik yang berasal dari Jamaika ini sering dikaitkan dengan persepsi negatif segelintir masyarakat yang menganggap golongan ini terlibat dengan barang larangan.

Menjelaskan perkara itu, vokalis kumpulan Republic of Brickfields, Aru atau nama sebenarnya

Piruzzaman Azizan, 58, menegaskan bahawa reggae bukanlah sebuah muzik

khayal tetapi ia mengetengahkan mesej keamanan, harmoni dan cinta menerusi genre muzik berunsur santai, rock dan pop.

“Kita perlu mengkaji atau fahami dahulu sejarah awal kemunculan muzik reggae dari negara Jamaika ini. Dari segi budaya memang berbeza tapi cara pembawaan muzik dan penerimaan masyarakat itu perlu sesuai dengan keadaan di Malaysia.

“Kalau benar-benar menghayati setiap lirik lagu reggae, mesejnya menceritakan tentang perjuangan, keamanan tetapi di Malaysia, bila orang sebut muzik reggae, mereka terus menganggap ‘oh muzik inilah yang terjejak dengan barang larangan’.

“Saya tidaklah berjuang untuk menegakkan apa-apa tetapi saya ingin membuktikan bahawa teori segelintir pihak itu salah malah misi saya bergerak dalam industri muzik ini hanya untuk bermain muzik dan memperkenalkan reggae kepada masyarakat,” katanya ketika ditemui *Wilayahku*.

Terdahulu, vokalis ini mempersempahkan kembali lagu-lagu reggae yang pernah dipopulkannya seperti dalam Program KL Ceria anjuran Dewan



ARU PERUZZA & THE REPUBLIC

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kongsinya lagi, sekitar tahun 1996, dia juga pernah menjadi salah seorang individu yang diketepikan atau dipandang ‘sinis’ oleh masyarakat.

“Pada masa itu, saya sedang duduk dalam bas di kawasan sekitar Bangsar. Apa yang saya perasan, tiada yang mahu duduk di sebelah saya kerana saya menggayakan rambut ‘dreadlock’. Daripada situasi itu juga mencetuskan idea untuk saya menghasilkan sebuah lagu bertajuk ‘Orang Planet,’ katanya.

Tambahnya lagi, persepsi negatif ini juga secara tidak langsung telah menyekat perkembangan industri muzik reggae di Malaysia serta menjadikan penghasilan sesebuah karya.

“Sekitar 90-an, banyak konsert gig dapat diadakan tetapi sampai satu tahap konsert itu dihentikan malah perkataan *underground*, nama republik termasuklah premit gig juga disekat. Ia secara tidak

langsung menjaskan pekerjaan dan menyekat kami untuk terus berkarya dalam industri reggae,” katanya yang pernah mengalami situasi di mana tiada sebarang persembahan selama tiga tahun berturut-turut.

Walau bagaimanapun, Aru berasa terharu dan mengucapkan terima kasih kepada pihak DBKL kerana menganjurkan Program KL Ceria sekali gus memberi nafas baharu kepada pemuzik reggae untuk mendekati masyarakat terutamanya golongan muda.

“Kalau dahulu kami sukar mendapat kebenaran untuk membuat konsert mahupun menyanyikan lagu reggae di khalayak ramai tapi inisiatif DBKL ini telah membantu memutihkan kembali industri reggae kepada masyarakat malah membuktikan bahawa tanggapan mereka itu tidak benar. Saya juga berharap agar konsert seperti ini diadakan lagi pada masa hadapan,” katanya. **WK**



RASTA SYNDICATE



IMUDA



JOE PV



“**SAYA** berada di Taman Tasik Titiwangsa dari awal konsert hingga habis kerana teruja menyaksikan persembahan artis-artis ‘otai’ yang terkenal era 80-an dan 90-an.

“Saya rasa DBKL telah menganjurkan program yang bagus dan perlu diteruskan.”

KHAIRUL ANUAR KARIM
Orang awam

“**SEBAGAI** salah seorang individu yang bertanggungjawab untuk menguruskan



KHAIRUL ANUAR



IRWAN



NURUL NADIA

bahagian teknikal, *Alhamdulillah* segalanya berjalan lancar walaupun program ini diadakan di kawasan terbuka.

“Dari segi penganjuran pula, saya harap DBKL akan teruskan program ini kerana sambil bersiar-siar di ibu kota atau di taman,

warga kota dan pelancong boleh berhibur dengan persembahan artis tempatan.”

IRWAN MAT
Pengarah Resbu Studio / Teknikal Program KL Ceria

“**SEBENARNYA** saya baru sahaja tahu bahawa Program KL Ceria diadakan di sini kebetulan saya dan keluarga bersiar-siar di kawasan sekitar tasik. Sebagai anak muda pastinya saya berasa teruja kerana dapat mendengar alunan lagu dan muzik lama.”

NURUL NADIA LUKMAN HEKIEM
Orang Awam







FORUM Pemerksaan Produk Biodegradasi Wilayah Persekutuan 2022 telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar bagi memperkasakan kesedaran berkaitan penggunaan produk-produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan & Sosio Ekonomi) KWP, Datuk Parang Abai @ Thomas.



'Stuntman' Mat Kilau martabat seni silat di persada dunia



SABRINA SABRE

MENONTON aksi ngeri dalam sesebuah filem atau drama, pasti ramai menyangka adegan berani tersebut dilakukan oleh hero. Namun kebanyakannya disuntik hasil kerja keras si pelagak ngeri atau lebih dikenali sebagai *stuntman*.

Biarpun berdepan penuh dengan cabaran dan rintangan, namun ia tidak menghalang *stuntman* berpengalaman, **Akmal Razak**, 46, untuk melakonkan aksi berbahaya dan berisiko tinggi bagi melengkapkan keperluan babak tertentu dalam plot filem atau drama mengikut kehendak dan imaginasi pengarah.

"Bergelar sebagai pelagak ngeri bukanlah satu profesion 'menjulang nyawa' tetapi merupakan pekerjaan profesional dan bukan semua orang mampu melakukannya kerana ia memerlukan kemahiran dan latihan bertahun-tahun."

"Luaran memang nampak gah dan hebat, malah pelakon lagak ngeri juga dianggap kebal, namun sakit yang ditanggung terpaksa ditelan sendiri. Orang luar tidak tahu betapa peritnya menjadi pelakon aksi ngeri, ada yang patah pinggang, tulang rusuk dan pecah kepala tetapi tidak dihebohkan. Kecederaan boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja," kongsinya kepada

Wilayahku.

Mengakui mengalami pelbagai kecederaan di seluruh tubuh badannya, anak kelahiran Kuala Lipis, Pahang ini bagaimanapun tidak berputus asa menapak perlahan-lahan melalui proses perjalanan kariernya sebagai *stuntman* sejak tahun 2004 dek kerana minat yang mendalam.

"Segalanya bermula dari bawah dan minat yang tinggi. Pada mulanya saya hanya melakukan aksi lagak ngeri itu secara sambilan selepas menyertai Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN) 19 tahun lalu. Kemudian sedikit demi sedikit saya berjaya menempatkan diri berada di belakang tabir dalam bidang koreografi seni pertarungan, *body double* serta *stunt fight* manakala untuk depan tabir pula, saya aktif berlakon watak melibatkan pertarungan," katanya.

Di samping itu, menurut Akmal, segelintir masyarakat mungkin menganggap setiap aksi yang dipersembahkan adalah lakonan semata-mata sebaliknya mereka sanggup menggadaikan nyawa demi menjayakan babak tersebut.

"Setiap aksi itu menggunakan teknik yang betul contohnya aksi bergaduh, ada lengkok yang dipraktikkan agar aksi itu nampak betul dan bukannya kayu malah untuk menjadi *stuntman* yang berjaya, individu terbabit perlulah fokus, mempunyai disiplin, ketahanan mental serta fizikal yang tinggi kerana sekiranya tersalah langkah, maut menanti di depan mata," ujarnya yang juga merupakan



AKMAL ketika melakukan salah satu aksi koreografi dalam filem Mat Kilau.

guru silat secara sambilan.

Beralih kepada perkembangan terbarunya, Akmal berkata pengalamannya terlibat dalam babak-babak pertarungan filem Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan baru-baru ini adalah sangat berharga dan tidak akan dilupakan kerana dapat mengangkat martabat pahlawan Melayu dengan menggunakan koreografi persilatan sepenuhnya.

"Boleh dikatakan setiap hari ada aksi lawan. Namun pujian patut diberikan kepada Pengarah Profilik, Syamsul Yusof kerana dia begitu berusaha keras dalam mengarahan filem ini. Jika ada

babak tidak kena, Syamsul akan lanjutkan hari penggambaran," jelasnya yang banyak terlibat dalam merancang koreografi pertarungan membabitkan drama dan filem box office seperti Abang Long Fadil, KL Gangster, KL Special Force, Tombiru: Penunggu Rimba dan lain-lain.

TERIMA LAMARAN PRODUKSI LUAR NEGARA

TIDAK dinafikan kekuatan jalan cerita, mutu lakonan cemerlang, sentuhan pengarah pecah panggung, aksi persilatan memukau dan publisiti

memberangsangkan dalam filem Mat Kilau turut melonjakkan permintaan kelas silat di seluruh Malaysia.

Susulan penangan filem Mat Kilau ini juga telah menarik perhatian beberapa syarikat produksi daripada Indonesia untuk turut menerima tempias apabila ramai menghubunginya untuk mempelajari ilmu persilatan.

"Meskipun kini saya lebih banyak terlibat dalam bidang seni di belakang tabir tetapi disebabkan filem Mat Kilau, ramai yang hubungi dan meminta untuk mengajar silat. Ada yang mahu belajar dan ada juga yang mahu menghantar anak-anak mereka ke kelas silat," ujarnya yang kini masih belum berhasrat untuk membuka gelanggang kerana mempunyai komitmen yang tinggi dalam bidang seni.

Tambahnya, dari satu sudut ia membawa kesan yang baik apabila ramai mahu belajar teknik untuk mahir bersilat terutama generasi muda, sekali gus merancakkan semula seni mempertahankan diri warisan bangsa Melayu ini.

"Sangat seronok apabila dapat melihat golongan generasi muda kita bersemangat hendak belajar silat selepas menonton filem Mat Kilau. Harap-harap semangat mereka akan berterusan. Saya tidak ada masalah untuk mengajar, jika ada yang panggil untuk mengajar di tempat yang sudah mereka sediakan pun, saya okey sahaja," ujar bapa kepada tiga orang anak ini.

Buat orang ramai yang berminat untuk menyertai kelas silat, anda boleh hubungi di talian

WhatsApp 017-617

8979 atau menerusi laman sosial media Facebook Akmal Razak dan Instagram @akmalrazak13. **W.K**



AKMAL RAZAK



Cocktail Fruity tular raih sambutan luar biasa



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
HAZIRAH HALIM

PENIAGA minuman Cocktail Fruity yang tular di laman sosial TikTok baru-baru ini, **Shatila Abd Halim** mengakui sambutan yang diterima luar jangkaan sehingga saban hari pelanggannya sanggup menunggu lebih awal untuk mendapatkan koktel tersebut.

Lebih menarik, gerai koktel buah-buahan yang terletak di Jalan Dwi Tasik 2, Bandar Sri Permaisuri, Cheras ini turut menerima pelanggan dari negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak selain pelancong luar negara.

Berharga RM12 sebekas, Cocktail Fruity menyediakan 17 jenis pilihan buah-buahan segar seperti buah naga; mangga; kiwi; anggur; epal; longan dan banyak lagi.

"Kami menggunakan konsep cedok yang mana buah-buahan dipotong dalam saiz lebih kecil. Pelanggan boleh mencedok sendiri buah-buahan itu mengikut pilihan masing-masing sehingga bekas penuh."

"Pelanggan juga boleh memilih satu atau dua buah sahaja tapi kami cadangkan untuk campurkan kesemua buah yang ada dan letakkan sedikit ais bersama susu kerana ia lebih sedap diminum terutama ketika masih sejuk," jelasnya yang menggunakan susu premium kerana tidak terlalu manis dan mempunyai rasa lemak.

Istimewanya lagi, perniagaan yang diusahakan bersama suami, Hairul Fahmi Zainal Ambari menggunakan buah-buahan segar yang diambil terus daripada pembekal buah tempatan.

Baginya, kualiti dan kepuasan pelanggan menjadi keutamaan buat mereka. Justeru itu, kesemua buah tidak akan dipotong dalam kuantiti banyak dan terlalu awal sebaliknya hanya akan dipotong dan ditambah apabila sudah habis.

"Kita menyarankan kepada pelanggan untuk tidak membiarkan



SHATILA (tengah) mengusahakan Cocktail Fruity bersama suaminya, Hairul Fahmi (kanan) sejak dua bulan lalu.

buah-buahan tersebut direndam lama dengan susu kerana ia akan menghilangkan rasa rangup dan manis buah tersebut.

"Kami amat mementingkan kepuasan pelanggan. Sekiranya ada yang memberi respons buah masam, tidak manis atau sebagainya, kami akan kurangkan buah tersebut dan memperbanyakkan buah yang disukai pelanggan."

"Alhamdulillah kami menerima komen positif daripada pelanggan yang mengatakan kami tidak kedekut buah dan berpuas hati dengan harga dan kuantiti yang ditawarkan biarpun terpaksa beratur panjang," ujarnya memberitahu rata-rata pelanggan yang datang akan membeli sekurang-kurangnya empat hingga lima bekas seorang.

Tambah Shatila, gerainya merupakan satu-satunya yang menjual koktel menggunakan konsep cedok.

"Konsep itu digunakan kerana ingin memberi kepuasan kepada pelanggan misalnya ada yang mengalami alahan atau tidak

boleh makan sesuatu buah seperti epal atau kiwi, jadi mereka boleh memilih buah-buahan yang lain," ujarnya.

LAKU 800 BEKAS SEHARI

MELUAHKAN rasa bersyukur, Shatila tidak menyangka tuah tular di TikTok membuatkan perniagaan koktel buah-buahan yang diusahakannya mampu terjual sebanyak 800 bekas sehari.

"Alhamdulillah, sehingga kini saya tidak menyangka ia akan menjadi tular dan orang ramai akan beratur panjang seperti itu. Saya bersyukur dan ingin berterima kasih kepada pelanggan yang telah menularkan perniagaan kami."

"Diharapkan selepas ini perniagaan kami akan lebih berjaya dan orang ramai berpuas hati dengan kuantiti dan harga yang ditawarkan," katanya yang belum merancang untuk memperluaskan perniagaan setakat ini. WK

INFO

Cocktail Fruity

Alamat: **Jalan Dwi Tasik 2, Bandar Sri Permaisuri Cheras, Kuala Lumpur (berdekatan Kopi Saigon)**
Hubungi: **019-332 0568 (Fahmi)**
Operasi: **Isnin hingga Ahad (12 tengah hari hingga 7 malam)**
Harga: **RM12 sebekas**



PELANGGAN boleh mencedok dan memilih buah-buahan yang tersedia mengikut pilihan dan cita rasa sendiri.

Pemimpin mesti ada kelayakan memimpin



DR KHADHER AHMAD

BAHANG Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 pada masa kini amat terasa apabila parlimen telah dibubarkan dan proses pengundian pun telah ditetapkan yang akan diadakan pada 19 November 2022 ini. Pilihan Raya Umum ini diadakan bagi tujuan untuk lantikan ahli parlimen yang baharu mewakili pemimpin dari kawasan parlimen masing-masing. Pelantikan pemimpin ini adalah menjadi salah satu proses pada masa kini yang dinamakan sebagai demokrasi di mana setiap rakyat mempunyai hak untuk mengundi bagi menentukan pemimpin mereka yang kemudian diputuskan berdasarkan kepada keputusan majoriti.

Dalam perspektif Islam, pelantikan dan pemilihan seseorang sebagai pemimpin adalah merupakan satu perkara yang sangat besar dan penting. Ini kerana peranan dan tanggungjawab yang dipikul olehnya adalah sangat berat dan penting bagi menjaga kemaslahatan orang yang dipimpinnya dalam semua aspek sama melibatkan kepentingan dunia yang berkaitan dengan soal kehidupan, undang-undang dan sebagainya. Bahkan, termasuk juga soal dalam memelihara agama dan syariat Islam itu sendiri. Jadi, bagaimana untuk memilih pemimpin yang baik?

Dalam membahaskan tentang kepimpinan ini, ada sesuatu perkara yang menarik dan boleh sama-sama kita fikirkan apabila merujuk kepada beberapa hadis yang memberikan satu gambaran yang menarik untuk sama-sama kita

fikirkan dan memahami konteksnya dengan baik.

JANGAN SESEKALI MEMINTA JAWATAN KEPIMPINAN

KISAH Abu Dzar al-Ghfari yang telah meminta jawatan dalam kerajaan daripada Nabi SAW adalah satu kisah yang boleh dijadikan sebagai pengajaran untuk kita semua. Perkara ini diceritakan sendiri oleh Abu Dzar Al-Ghfari atau nama sebenar beliau, Jundab bin Junadah yang pernah meminta daripada Nabi SAW agar beliau dilantik dengan sesuatu jawatan sebagai pemimpin seperti mana Nabi SAW lakukan terhadap beberapa orang Sahabat yang lain.

Daripada Abu Dzar, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Terjemahan: "Ya Abu Dzar, aku lihat engkau seorang yang lemah dan aku suka engkau mendapatkan sesuatu yang aku sendiri menyukainya. Janganlah engkau memimpin dua orang dan janganlah engkau mengurus harta anak yatim." (HR Muslim, no hadis 1826)

Hadir ini turut dikukuhkan lagi dengan hadis yang lain iaitu juga daripada Abu Dzar RA berkata, "Wahai Rasulullah SAW, tidakkah engkau melantikku (dengan suatu jawatan)? Abu Dzar berkata: "Kemudian baginda menepuk bahu dengan tangan baginda, lalu bersabda: "Wahai Abu Dzar, kamu ini lemah (untuk memegang jawatan) padahal jawatan merupakan amanah. Pada hari kiamat ia adalah kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi sesiapa yang mengambilnya dengan hak dan melaksanakan tugas dengan benar." (HR Muslim, no hadis 1825).

Kedua-dua hadis ini diriwayatkan dalam Sahih Muslim dan diletakkan dalam topik utama (kitab) tentang Kepimpinan di bawah bab "Dibenci Untuk Dilantik Pemimpin tanpa Keperluan". Jadi, dalam hadis Nabi SAW menyatakan bahawa

Abu Dzar seorang yang lemah untuk memegang jawatan sebagai pemimpin. Apakah yang dimaksudkan dalam hadis ini?

Dalam hadis tersebut yang dimaksudkan 'da'if' (lemah) dalam hadis ini adalah lemah dalam menegakkan kepimpinan sebagai gabenor wilayah. Imam al-Nawawi mengatakan bahawa hadis ini menjadi usul yang penting dalam menunjukkan perlu dijauhi untuk menjadi pemimpin bagi seseorang yang diketahui lemah dalam menegakkan kepimpinannya. Boleh fahami bahawa bagi seseorang yang tidak mampu untuk memimpin masyarakat, tidak sewajarnya dia meminta jawatan dan tidak sewajarnya juga dilantik dalam pada mana-mana portfolio sebagai pemimpin. Ini kerana akan memberikan kesan yang besar terhadap kepimpinannya tersebut. (Al-Nawawi, Syarh Sahih Muslim, 1392).

Bahkan, Imam al-Nawawi menambahkan lagi bahawa yang dimaksudkan dengan rasa malu dan penyelesian bagi mereka yang meminta jawatan adalah bagi sesiapa yang pada haknya bukan merupakan seorang yang ahli dan berkemampuan dalam memimpin atau seorang yang mampu menjadi pemimpin tetapi tidak mampu berlaku adil. Jadi, di akhir nanti, kerana sikap tersebut, seseorang itu akan dimalukan oleh Allah dan mendapat penyesalan di atas apa yang dilakukan tersebut. Sedangkan bagi sesiapa yang berkemampuan sebagai seorang pemimpin dan mampu berlaku adil, maka baginya kelebihan yang sangat besar yang akan diperolehnya. (Al-Nawawi, Syarh Sahih Muslim, 1392).

Jalal al-Din al-Suyuti dalam Hasyiah al-Sanadi 'ala Sunan al-Nasa'i memetik pandangan al-Qurtubi yang menyebutkan bahawa maksud 'da'if' dalam hadis itu adalah lemah dalam melakukan apa yang

sepatutnya dilakukan oleh seseorang pemimpin terhadap kepentingan rakyatnya sama ada dalam urusan keduniaan atau hal ehwal agama. Jadi, pada diri Abu Dzar bentuk lemah itu adalah kerana diri beliau dikuasai oleh sifat zuhud dan kehinaan terhadap dunia. Sesiapa yang berada dalam keadaan ini pasti tidak akan mempedulikan soal harta dan kepentingan terhadapnya juga yang penting dalam menguruskan kemaslahatan agama dan menyempurnakan segala urusan yang berkaitan dengannya. (Al-Suyuti, Hasyiah al-Sanadi, 1986).

Kata al-Suyuti lagi, Abu Dzar seorang yang sangat zuhud dalam soal keduniaan sehingga keadaan di mana beliau memandang bahawa seluruh harta adalah haram. Jika dikeluarkan zakat kepadanya, dia memandang bahawa itu adalah harta yang dijanjikan Allah dalam Al-Quran. Jadi, ketika Nabi SAW mengetahui tentang hal tersebut, baginda SAW menasihati dan mlarinda Abu Dzar daripada memegang jawatan sebagai pemimpin. (Al-Suyuti, Hasyiah al-Sanadi, 1986).

Dalam hadis yang lain ada juga Sahabat lain yang turut meminta jawatan daripada Rasulullah SAW tetapi telah ditolak. Daripada Abdul Rahman bin Samurah, Rasulullah SAW bersabda: Wahai 'Abdul Rahman! Jangan engkau meminta jawatan pemimpin. Sesungguhnya jika engkau diberikannya kerana permintaan maka engkau akan dibebankan (yakni tidak ditolong). Sekiranya engkau diberikannya tanpa permintaan maka engkau dibantu (oleh Allah) –(HR Al-Bukhari, no hadis 6622, dan Muslim, no hadis 1652).

Ambillah pengajaran daripada Khalifah Umara al-Khattab RA yang sanggup berjaya malam memerhatikan dan menyelidiki hal ehwal rakyat sama ada senang atau sebaliknya. Beliau sanggup turun ke lapangan bersendirian

dengan pembantunya demi memastikan amanah kepimpinan sebagai khalifah dapat dilaksanakan sewajarnya mengikut kemampuan yang ada.

Justeru dalam suasana demam PRU ke-15 ini, sangat disarankan kepada semua lapisan masyarakat yang layak mengundi untuk memastikan bahawa calon yang bakal dipilih mempunyai kelayakan sebagai seorang pemimpin yang mampu untuk menjaga kebijakan rakyat yang sentiasa ingat tentang tanggungjawabnya kepada rakyat dan yang penting ada seorang pemimpin yang akan memperjuangkan dan mempertahankan agamanya.

Amanah kepimpinan yang dipikul itu dilaksanakan kerana Allah atas keyakinan dan percaya bahawa pemimpin yang dipilih kerana kemampuan dalam kepimpinannya bukan kerana meminta jawatan, akan sentiasa mendapat pertolongan Allah. Reda Allah itu lebih utama daripada redha manusia. Sesuai dengan apa yang dijelaskan oleh Nabi SAW, daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Tujuh golongan yang akan mendapat naungan Allah SWT pada hari Kiamat, hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya, iaitu pemimpin yang adil..." (HR al-Bukhari, no hadis 6608).

Semoga dapat memahami bahawa sama ada sebagai pemimpin atau sebagai rakyat yang dipimpin, ingatkan bahawa kedua-dua pihak mempunyai tanggungjawab dan setiap daripada tanggungjawab itu akan dihitung oleh Allah SWT sama ada telah berjaya melaksanakannya ataupun sebaliknya.

PENULIS merupakan Profesor Madya di Jabatan Al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajaran Islam Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di khadher82@um.edu.my.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE	
26cm X 33cm	RM7,500
QUARTER PAGE	

HALF PAGE	
26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE	

QUARTER PAGE	
12cm X 17cm	RM4,500

PANEL PAGE [INNER]	
26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Wilayah Ku
MEDIA WARGA KOTA

PRU-15: Ke arah kestabilan dan kasih sayang pada negara

AHMAD SYAKIR SALMAN SALLEH
@ABDUL LATIF

SEJURUS pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengenai pembubaran parlimen Malaysia pada 10 Oktober 2022 memberikan mandat kembali kepada rakyat di negara ini bagi memilih pemimpin yang mampu membawa kestabilan kepada negara.

Setelah negara dilanda wabak COVID-19 yang memaksa pemerintah melakukan 'lockdown', kepimpinan negara turut diuji dengan berlakunya beberapa rombakan mengenai pemimpin utama dalam negara ini.

Mandat yang dikembalikan kepada rakyat pada kali ini memerlukan persediaan yang lebih terancang melihatkan kepada jumlah pengundi yang akan turun mengundi pada pilihan raya ini. Meskipun negara masih lagi belum pulih sepenuhnya daripada wabak COVID-19 namun agenda pembangunan dan pembentukan kestabilan baik dari segi ekonomi maupun permasalahan sosial perlulah menjadikan manfaat utama yang perlu dipertingkatkan pada pemerintah sejurus selepas kemenangan dalam PRU-15 yang akan diadakan pada 19 November ini.

Melihatkan kepada beberapa aspek terutamanya keterujaan oleh pengundi berdarah muda yang akan turun mengundi bagi menentukan hala tuju negara bukan sahaja isu yang menarik untuk diketengahkan apabila beberapa perubahan turut dilakukan oleh parti-parti politik yang bertanding di tanah air yang mula memperkenalkan muka baharu bagi pencalonan wakil parti bagi PRU-15 kali ini. Hal ini didorong apabila parti-parti politik yang bertanding juga berani melakukan inisiatif dengan beberapa pemimpin politik turut bertukar kawasan bertanding.

Melalui inisiatif serta pendekatan yang baharu bagi parti-parti politik yang bertanding setelah negara masih lagi berdepan dengan wabak COVID-19, persediaan yang rapi serta galakan kepada setiap golongan bagi menuaikan amanah untuk turun mengundi perlulah menjadi modal utama bagi memastikan pemimpin yang dipilih dalam pilihan raya kali ini mampu untuk memberikan kestabilan dan perasaan cintakan negara.

Melalui pilihan raya kali ini, perang baik di media sosial mahupun sesi ceramah yang diadakan perlulah masih berada dalam keadaan yang meyakinkan bagi seluruh kawasan. Setiap parti politik seharusnya menggalakkan proses demokrasi yang aman serta saksama bagi negara ini lebih maju di masa hadapan. Pendemokrasian ini merupakan satu lambang pengukuhan terhadap pembentukan modal insan kelas pertama.

Namun begitu, pilihan raya kali ini memerlukan penglibatan dan semangat daripada setiap golongan rakyat di negara ini bagi memupuk nilai patriotisme dan



tanggungjawab dalam kalangan rakyat di negara pada hari ini. Rakyat di negara ini seharusnya sedar akan nilai dan tanggungjawab mengenai nilai suatu undi yang disumbang mampu membawa satu perubahan terhadap aspirasi pembangunan dan pembentukan negara.

Hal ini didorong apabila berlakunya perpecahan dan jumlah parti gabungan pada pilihan raya kali ini yang pastinya rumit dalam memastikan jumlah kerusi yang stabil dalam Dewan Parlimen yang akan dibentuk. Beberapa gabungan parti politik yang telah melakukan transisi sebaik sahaja pengumuman pilihan raya ini diumumkan oleh Perdana Menteri setelah mendapat perkenan oleh Yang di Pertuan Agong.

ASIMILASI BUDAYA DALAM PROSES INTEGRASI

BEBERAPA pembaharuan dalam setiap agenda kerajaan bagi memastikan masyarakat majmuk di negara ini dapat hidup saling hormat-menghormati tanpa mengira warna kulit, kaum atau etnik bagi memastikan negara hidup dalam sebuah keharmonian. Perayaan yang utama dalam negara ini juga memberikan gambaran mengenai betapa pentingnya setiap suku kaum yang berbeza ini telah memberikan warna serta tarikan kepada negara luar mengenai nilai budaya di dalam negara ini.

Asimilasi budaya yang perlu untuk diintegrasikan ini bukanlah satu perkara asing dalam kalangan rakyat namun saban hari negara masih belum pulih dalam penerimaan asimilasi budaya yang kaya dengan pelbagai etnik dan agama pada hari ini. Oleh yang demikian, gabungan yang dilakukan oleh setiap parti-parti politik seharusnya diraikan bagi memastikan setiap etnik di dalam negara ini diraikan dengan sewajarnya.

Meskipun berbeza pendapat namun stigma ini seharusnya tidak lagi dijadikan sebagai satu pentas yang membawa kepada perbalahan dan pada akhirnya akan merugikan negara. Oleh itu keunikan negara ini perlulah diintegrasikan dengan

memberikan satu nafas baharu dalam agenda pembangunan negara. Pemimpin yang dipilih seharusnya memastikan setiap warga di dalam negara ini mampu memberikan hasil dan keuntungan kepada negara.

Jika pernah suatu masa dahulu, masyarakat di negara ini berganding bahu bagi memastikan nama negara harum terutamanya dalam kejohanan sukan di mata dunia, pilihan raya kali ini seharusnya memberikan satu nafas baharu terutamanya melihatkan kepada penglibatan golongan muda yang akan memimpin negara pada masa hadapan.

Proses integrasi ini bukan bermakna akan meruntuhkan sesebuah institusi dan memberikan kebebasan yang merugikan kepada mana-mana pihak sebaliknya hala tuju negara pastinya akan lebih mencapai kestabilan yang mampu untuk dipertingkatkan terutamanya masalah sosial yang lahir di negara ini.

Pembaharuan bukanlah bermakna perubahan drastik yang akhirnya mampu membawa kepada perasaan kucar-kacir di dalam negara sebaliknya pembaharuan perlulah dilakukan dengan membawa satu agenda baharu yang dilihat mampu untuk diberi ruang bagi improvisasi. Transisi ini seharusnya tidak menimbulkan kekacauan sebaliknya membawa kepada nilai kasih dan sayang dalam negara.

KESTABILAN SIMBOLIK PADA KEAMANAN

KEAMANAN merupakan sesuatu yang perlu diraikan bagi setiap kaum di dalam negara. Keamanan yang lahir pada hari ini membuktikan pemerintah di negara ini masih memastikan setiap kaum bukan sahaja diberikan kebebasan seterusnya turut mendapatkan hasil keuntungan daripada nilai keamanan yang lahir setelah Malaysia mencapai kemerdekaan.

Proses demokrasi melalui pilihan raya yang berjaya untuk dilaksanakan bagi memastikan pemerintah di dalam negara ini melakukan pembangunan wajar

diberikan pujian meskipun negara diuji dengan peningkatan kes melalui wabak COVID-19. Namun, rakyat di negara ini seharusnya yakin dengan kepimpinan ini dan memberikan harapan bagi negara ini terus memacu ke arah yang lebih stabil pada masa hadapan.

Pada pilihan raya kali ini, setiap rakyat di negara seharusnya menunaikan tanggungjawab bagi memastikan proses toleransi dan sikap hormat-menghormati masyarakat majmuk di dalam negara ini dapat diraikan dengan perasaan yang harmoni. Rakyat di negara ini seharusnya bersatu padu bagi memastikan bukan sahaja nilai demokrasi ini diamalkan sebaliknya pemerintah yang dipilih terus-menerus dapat bekerja bagi memastikan setiap warga negara ini dilindungi dan dapat menikmati hasil negara.

Melalui pilihan raya kali ini, beberapa parti politik dilihat lebih bersedia dan bersepakat bagi memastikan kestabilan negara dapat direalisasikan. Keamanan ini seharusnya diraikan dalam masyarakat majmuk di negara ini berbanding pergolakan yang telah berlaku di beberapa negara luar. Melalui keamanan yang ada pada negara ini rakyat masih dapat menikmati kehidupan seharian.

Oleh yang demikian, pemilihan bagi pemerintahan negara ini seharusnya memberikan kesedaran mengenai tanggungjawab yang dipukul terutamanya daripada golongan muda serta persediaan rapi terhadap golongan warga emas perlulah juga menjadi modal utama.

Hal ini kerana Malaysia memerlukan pemimpin yang dapat membawa simbolik keamanan yang diraih dalam negara ini di persada dunia. PRU-15 ini seharusnya menjadi titik utama terhadap kestabilan yang akan menarik pelabur luar bagi melabur di negara yang kecil ini tetapi besar hasil yang diperoleh.

Melalui pilihan raya kali ini, propaganda yang menyentuh mengenai nilai sensitiviti kaum tidak seharusnya dijadikan sebagai modal memandangkan kapasiti negara memandangkan nilai kematangan.

“Mandat yang dikembalikan kepada rakyat pada kali ini memerlukan persediaan yang lebih terancang melihatkan kepada jumlah pengundi yang akan turun mengundi pada pilihan raya ini. Meskipun negara masih lagi belum pulih sepenuhnya daripada wabak COVID-19 namun agenda pembangunan dan pembentukan kestabilan baik dari segi ekonomi maupun permasalahan sosial perlulah menjadikan manfaat utama yang perlu dipertingkatkan pada pemerintah sejurus selepas kemenangan dalam PRU-15 yang akan diadakan pada 19 November ini.”

Kematangan ini dapat dilihat apabila media sosial di dalam negara ini tidak dijadikan sebagai medan perang saraf yang akhirnya akan merugikan negara apabila kurangnya persefahaman serta perbezaan pemahaman terhadap ideologi parti-parti politik yang bertanding.

Meskipun warga berbeza pendapat namun perbincangan yang mempunyai asas utama serta fakta-fakta seharusnya lebih dipergiatkan bagi memastikan setiap warga di negara ini dapat melakukan proses pengundian untuk memilih pemimpin yang dapat berkhdmat bukan sahaja di kawasan mereka sebaliknya membawa negara pada peringkat yang lebih tinggi.

Kematangan yang wujud perlulah ditanam melalui kempen-kempen oleh setiap parti politik yang bertanding agar proses pendemokrasian yang lahir setelah negara mencapai kemerdekaan ini diraikan dengan sebuah kestabilan yang memacu kejayaan.

Justeru itu, integrasi terhadap proses persefahaman serta kesepadan setiap kaum dan etnik di negara ini perlulah dibangkitkan. Setiap warga negara ini seharusnya sedar tentang kepentingan proses demokrasi ini meskipun negara dilanda wabak COVID-19 agar kesaksamaan ini dapat diraikan bagi mencipta kestabilan yang membina perpaduan.

Perpaduan yang kukuh ini seterusnya pasti memberikan pengukuhan pembangunan terhadap kejayaan negara terutamanya bagi memastikan keunikan dalam keharmonian ini dapat dinikmati daripada generasi ini dan generasi seterusnya. Bak kata pepatah dahulu, biarkan medan pilihan raya ini tidak menyebabkan rakyat berputih mata dengan kekacauan sebaliknya biar mereka berganding bahu membawa nama Malaysia terkenal di persada dunia.

PENULIS merupakan pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi dan Media, Kolej Pengajian, Pengkomputeran, Matematik dan Media UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.

Peruntukan setengah juta tangani miskin tegar

Projek rintis BMTKM di dua lokaliti



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SEBANYAK RM577,535 telah diperuntukan bagi Program Pembasmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) Fasa 1 di Pulau Bebas Cukai menerusi projek rintis yang melibatkan dua lokaliti iaitu Patau-Patau dan Sungai Bedau.

Menurut Pengurus Perbadanan Labuan (PL), **Datuk Bashir Alias**, pihaknya telah mengenalpasti senarai nama 47 Ketua Ibu Rumah (KIR) Miskin Tegar dan telah mengadakan perbincangan bersama lima ketua kampung

yang terlibat bagi mencadangkan projek atau program yang sesuai dilaksanakan berdasarkan keperluan individu terlibat.

Katanya, hasil bancian dan semakan dengan Pejabat Pembangunan Negeri Labuan, Jabatan Perikanan Labuan, Jabatan Pertanian Labuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta rakan strategik utama iaitu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) selaku pengendali latihan telah banyak membantu pelaksanaan program ini.

Terdapat tiga komponen utama BMTKM iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP) – bantuan peralatan perniagaan, Program Fertigasi Pertanian serta Program Peralatan Perahu dan

Enjin,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan perasmian Majlis BMTKM di Kampung Patau-Patau 2, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PL, Rithuan Mohd Ismail.

Sehubungan itu, beliau berharap Program BMTKM Wilayah Persekutuan Labuan akan diteruskan untuk fasa-fasa seterusnya dan diberikan perhatian utama oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

“Semoga segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan dapat membantu menangani masalah kemiskinan di Labuan terutamanya miskin bandar ekoran kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi,” katanya lagi. WK



BASHIR (dua dari kanan) menyaksikan penyerahan Bantuan BMTKM kepada penerima yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PL, Rithuan (hujung, kanan).

LIONS Club Labuan raih RM300,000 mealui dana sumbangan orang ramai



CHENG Yik Siong (empat dari kiri) merasmikan pembukaan Pusat Jagaan Warga Emas ‘Lion House Of Love’ di Kampung Layang-Layangan, baru-baru ini.

LIONS Club of Labuan Mandarin berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM300,000 menerusi penganjuran Pesta Makanan sempena pembukaan pusat jagaan warga emas ‘Lions House of Love’, baru-baru ini.

Menurut Pengurusnya, **Chia Sia Theng**, sempena pembukaan pusat jagaan ini pihaknya menganjurkan pesta makanan bagi mengumpulkan dana daripada kelab-kelab dan masyarakat untuk membantu dan kerjasama dalam menjayakan operasi pusat jagaan ini.

Katanya, pesta makanan yang bermula pukul 9 pagi itu melibatkan 15 buah gerai yang menyajikan pelbagai makanan tempatan, etnik dan barat serta aktiviti seni dan kraf tangan, koleksi pastri, tanaman pasu atau penanaman pokok dan sudut pemeriksaan perubatan asas.

“Melalui pesta sempena pembukaan pusat jagaan warga emas ini, kita telah berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM300,000

hasil sumbangan kelab-kelab dan masyarakat di sini.

“Saya gembira mendengar sambutan menggalakkan terhadap jualan kupon dan kerjasama antara masyarakat dan persatuan-persatuan tempatan dalam bergabung tenaga untuk mengambil bahagian dalam hal ini mengumpul dana dan menjayakannya,” katanya ketika berucap pada pembukaan pusat jagaan warga emas Lions House of Love di Kampung Layang-Layangan, baru-baru ini.

Majlis perasmian pusat jagaan itu dirasmikan oleh Pengurus Majlis terdahulu Cheng Yik Siong.

Chia turut menzahirkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang menyumbangkan dana pada majlis itu di mana ia melebihi sasaran ditetapkan.

“Kita berharap semua badan masyarakat untuk bekerjasama pada masa hadapan untuk projek yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat,” katanya lagi. WK

Labuan mampu jadi Role Model terap konsep Keluarga Malaysia

WILAYAH Persekutuan Labuan mampu menjadi ‘Role Model’ dalam menerapkan konsep “Keluarga Malaysia” bagi menyatupadukan masyarakat majmuk tidak kira kaum, agama dan bangsa.

Pengerusi Perbadanan Labuan, Datuk Bashir Alias berkata, masyarakat di pulau ini yang mempunyai berbilang kaum iaitu melayu, cina, india, kedayan, brunei, kadazan, dusun, iban dan sebagainya memperlihatkan keharmonian dan perpaduan yang perlu dicontoh sebagai role model kepada negeri lain.

“Oleh itu, dengan penganjuran Karnival Sukan Tradisional ini menjadi landasan yang terbaik menyatupadukan masyarakat majmuk tidak kira kaum, agama dan bangsa.

“Penglibatan pelbagai peringkat umur pada program ini selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang diilhamkan

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob,” katanya ketika merasmikan Program Karnival Sukan Tradisional MPP 2022, pada Sabtu lalu.

Bashir turut menyeru Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) memainkan peranan mereka dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mampu menyatupadukan masyarakat di pulau itu.

Jelasnya, MPP perlu meningkatkan pengupayaan dan penyertaan masyarakat setempat khususnya di Labuan dalam pembangunan melalui struktur pentadbiran yang sistematik dan terancang.

“Dengan platform MPP ianya dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan menangani isu-isu perbandaran dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan antara kerajaan dan rakyat,” katanya lagi. WK



BASHIR berkesempatan mencuba permainan menjala pada Program Permainan Tradisional anjuran MPP sub-zon Labuan, pada Sabtu lalu.

PERADUAN MEWARNA PM191

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM191".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **26 NOVEMBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 193.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 189**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM189:

MUHAMMAD UWAIS AL QARNI
(9 tahun)
Presint 9, Putrajaya

NUR BALQIS MEDINA AMIRULLAH
(11 tahun)
Batu Caves, Selangor

WONG MIN HONG
(10 tahun)
Taman Maluri, Kuala Lumpur




Karya Adik Siti Eiliyah

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK189:

ABDUL RAHMAN MD NOR
(39 tahun)
Presint 15, Putrajaya

SITI NURBAYA ABDUL KADIR
(44 tahun)
Segambut, Kuala Lumpur

AIREEN NADIYYA SULAIMAN
(28 tahun)
Cyberjaya, Selangor

**TEKA SILANG KATA SK191****MELINTANG**

1. Alasan munasabah
5. Amanah kepada wakil
7. Berpandangan bebas
9. Seisi rumah tangga
10. Simbol kimia Radium

KE BAWAH

1. Cerminan diri
2. Sukar buang air besar
3. Bintik kotoran
4. Kebolehan menulis/membaca
6. Simbol kimia Aluminium
8. Baja berhablur

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK191".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **26 NOVEMBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 193.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**BaKaT CiLiK**

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



DIANA AMIR

PELBAGAI tarikan menarik terdapat di Putrajaya. Selain daripada keunikannya yang tersendiri, bandar dalam taman ini juga merupakan destinasi wajib singgah pengunjung terutamanya pada malam minggu.

Malah, sejak akhir-akhir ini pusat pentadbiran kerajaan persekutuan ini semakin meriah dengan pelbagai aktiviti pada sebelah malam yang mana kebiasaannya pengunjung mengambil kesempatan untuk membawa keluarga bersiar-siar.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan umum adalah Putrajaya Food Truck Hotspot Presint 14 yang terletak berhampiran Kompleks Nasyrul Quran. Di sini bukan sahaja mereka boleh menikmati aneka jenis hidangan bahkan dapat melakukan aktiviti bersama keluarga.

Tinjauan Wilayahku pada Ahad lepas mendapati lokasi tersebut tidak putus dengan kunjungan orang ramai meskipun ketika itu hujan turun renyai-renyai. Malah menginjak ke sebelah malam, ia semakin sarat dengan pengunjung.

Mempunyai ruang parkir yang luas serta kemudahan surau serta tempat duduk untuk menikmati makanan, menariknya pengunjung dapat menyaksikan persembahan busking daripada penghibur jalanan.

Ternyata, alunan muzik masa kini dan lagu-lagu malar segar

Makan sambil nikmati persembahan penghibur jalanan di Putrajaya



SAMBIL menikmati makanan food truck pengunjung juga akan dihibur dengan persembahan busker.

yang didendangkan begitu menggamit nostalgia. Lebih teruja, pengunjung juga boleh menyanyi dan meminta lagu kegemaran untuk dinyanyikan oleh pemuzik.

Bagi kanak-kanak pula, mereka pasti tidak akan melepaskan peluang untuk bermain di sudut keluarga yang terletak berdekatan tapak food truck.

Berkongsi tentang kemeriahan lokasi tersebut, salah seorang pekerja food truck, Muhammad Syamil Izwan Ahmad Dalilan, 30,

berkata lokasi tersebut menjadi pilihan pengunjung terutama pada hujung minggu.

"Kita mula beroperasi seawal pukul 5 petang sehingga 12 tengah malam. Kebiasaannya pengunjung akan memenuhi kawasan ini pada hujung minggu tetapi ia juga bergantung pada cuaca.

"Persembahan busker merupakan antara tarikan di sini kerana ramai pengunjung terutamanya golongan muda yang suka berhibur sambil

bersantai dan makan bersama rakan-rakan.

"Di sini juga terdapat lebih daripada 300 jenis menu makanan dan minuman tempatan dan juga barat. Antara yang popular Mat Rock Ayam Goreng Kunyit, oden, char kway teow dan bermacam lagi," ujarnya.

Katanya lagi, dia juga sering membawa keluarga menghabiskan cuti hujung minggu dan mereka gemar menyewa perkhidmatan basikal elektrik, tandem dan sebagainya.

"Kadar sewaan bagi semua permainan yang disediakan bermula dengan harga RM15 sehingga RM40. Pengunjung dibenarkan bermain dalam kawasan yang telah disediakan," ujarnya.

Katanya lagi, di sekitar Putrajaya terdapat beberapa kawasan yang menyediakan perkhidmatan sewaan seperti di tapak food truck tetapi menariknya di sini ia ditempatkan berdekatan dengan lokasi menjamu selera. **W K**



PPj tubuh pasukan task force, elak insiden banjir kilat berulang



AINI MAWAWI

SEBAGAI langkah berjaga-jaga agar kejadian banjir kilat tidak berulang lagi di Putrajaya, Perbadanan Putrajaya (PPj) menubuhkan tiga pasukan *task force* khas yang akan bertindak serta-merta ke lokasi *hot spot*.

Pasukan tersebut terdiri daripada kakitangan PPj (Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaran, Bahagian Tasik dan Wetland PPj, Jabatan Perancangan Bandar PPj, Bahagian Pengurusan Kuasa PPj, Bahagian Kesihatan Persekitaran) dan Alam Flora Sdn Bhd.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat PPj, **TPR Norzita Abdul Razak**, pasukan tersebut akan bergerak ke lokasi semasa hujan turun bagi memantau dan mengelakkan banjir kilat.

"Di samping itu juga, pihak PPj sentiasa memastikan kolam-kolam tадahan di Presint 9, 11 dan 14 diselenggara dengan baik. Untuk



NORZITA



PASUKAN task force khas sedang membersihkan lokasi banjir kilat di Putrajaya baru-baru ini.

itu, kita juga sangat mengharapkan kerjasama seluruh warga komuniti setempat agar segera menyalurkan maklumat berkaitan air bertakung sewaktu hujan lebat di kawasan

komuniti mereka.

"Sebarang aduan mereka boleh menghubungi *hotline* Perbadanan Putrajaya di talian **03-8887 7000**," ujar beliau.

dan Presint 11 baru-baru ini, beliau berkata hujan lebat yang berlaku mencatatkan jumlah bacaan hujan lima kali ganda dari biasa.

"Ini telah menyebabkan berlakunya kejadian banjir kilat dengan bacaan intensiti hujan sebanyak 101.6 mm/hr berbanding kadar normal 21 mm/hr. Hujan lebat luar biasa turut disertai dengan angin kuat telah membawa bersama daun-daun yang bertaburan di atas jalan dan telah menutupi penutup longkang (*grating inlet*).

"Secara tidak langsung, ia menyekat laluan air daripada mengalir ke dalam longkang di beberapa kawasan rendah sekitar Putrajaya. Walau bagaimanapun PPj bersama agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta penduduk telah bersama-sama membersihkan daun-daun yang tersangkut di atas penutup longkang.

"Tindakan pantas berhasil dan air telah surut dalam tempoh masa yang pendek (kurang 15 minit) dan keadaan kembali stabil seperti biasa," ujar beliau.

Jelas beliau, pemantauan ke atas semua sistem perparitan di Putrajaya juga mendapat sistem perparitan di Putrajaya berfungsi dengan baik dan tiada perparitan yang tersumbat. **W.K**

Muncul juara AKH, KK4 tekad bantu Kebun Komuniti sekitar

MUNCUL tempat pertama Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2022 bagi kategori Komuniti Perumahan Bertingkat menyunitik semangat ahli kebun KK4 (Kebun Komuniti) Presint 14 untuk membantu kebun lain di sekitar Putrajaya untuk menjelajah langkah mereka.

Menurut Pengurusinya, **Burhanuddin Mohd Ghazali**, setelah tiga kali penyertaan KK4 dalam AKH, tahun ini memberi kenangan manis apabila KK4 berjaya dinobatkan sebagai juara.

"Ini kali ketiga KK4 menyertai AKH, sebelum ini pada tahun 2020 dan 2021, kami hanya mendapat saguhati sahaja. Jadi selepas ini kami mahu membantu Kebun Komuniti lain pula.

"Setakat ini apa yang saya lihat KK2 dan KK3 mempunyai potensi ke arah tersebut. Diharapkan mereka akan menyertai AKH akan datang," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut tentang kemenangan yang diperolehi, Burhanuddin berkata anugerah tersebut menyunitik semangat mereka untuk terus melaksanakan budaya kitar semula, penggunaan Sistem Penyimpanan dan Penggunaan Air Hujan, pembuatan kompos dan seumpamanya.

"Terima kasih kepada semua



BURHANUDDIN (tiga kanan) menerima anugerah AKH yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk M Noor Azman Taib di Hotel Marriot Putrajaya baru-baru ini.

ahli kebun, Perbadanan Putrajaya (PPj), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), pelanggan serta pengunjung KK4 dan semua yang membantu serta menyokong kelangsungan Kebun Komuniti di Wilayah Persekutuan.

"Alhamdulillah usaha mengekalkan konsep lestari yang KK4 amalkan mendapat pengiktirafan pada AKH 2022 bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia

(HPSB 2022) baru-baru ini. Bercerita lanjut tentang KK4 yang popular dengan pengeluaran *rock melon* serta produk hiliran *cincau*, Burhanuddin berkata mereka juga bakal menerima satu lagi anugerah (pingat gangsa) dalam MIP Planning Excellence Awards (MIPPEA) 2022.

"Syukur untuk tahun ini sahaja kami berjaya merangkul beberapa anugerah yang jelas menunjukkan usaha berbudi kepada tanah biarpun secara kecil-kecilan pasti mendatangkan hasil yang berbaloi," ujarnya.



SATURDAY, 10TH DEC 2022

PUTRAJAYA WETLAND RIDE

Taman Wetland Putrajaya, Presint 13
7.00am - 11.00am

ONLINE REGISTRATION
<https://red-adventure.com/pwr>

0123551662

register.pwr@gmail.com

Putrajaya Wetland Ride

The Bowling Master tekad buru kejayaan

Rafiq Ismail bawa cabaran ke Australia

SABRINA SABRE

DIBERI jolokan *The Bowling Master* lima tahun lalu membangkitkan jaguh boling negara **Muhammad Rafiq Ismail**, 25, untuk terus memburu kejayaan dalam negara mahupun antarabangsa.

Mula menunjukkan minat dalam sukan boling sejak berusia empat tahun, atlet Wilayah Persekutuan ini mengakui untuk mengekalkan kejayaan memerlukan usaha yang besar dan berterusan sepanjang tahun.

"Dalam setiap kejohanan, saya akan mensasarkan untuk berada dalam kedudukan 10 terbaik. Saya tidak mahu memberi tekanan kepada diri dan akan cuba harungi satu persatu selebihnya terpulang kepada rezeki," ujarnya.

Terdahulu, Rafiq melakar kejayaan cemerlang dengan meraih



pingat emas acara perseorangan dalam Kejohanan Boling Lelaki Dunia 2018 di Hong Kong sekali gus muncul sebagai pemain Malaysia pertama mencapai kejayaan itu dalam tempoh 39 tahun.

"Sebenarnya ketika itu saya tidak menyangka akan menjuarai acara perseorangan lelaki. Ia adalah tahun yang hebat untuk saya kerana memenangi dua kejohanan utama dalam sukan boling."

"Keghairahan itulah juga yang benar-benar mendorong saya untuk fokus setiap masa. Boling telah menjadi sebahagian hidup saya memandangkan 21 tahun telah dihabiskan dalam bidang ini," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Beralih kepada perkembangan terbaharunya, atlet kelahiran Kuala Lumpur ini berazam untuk menutup kempen 2022 dengan noktah cemerlang apabila dijadual



AKSI Rafiq Ismail dalam Kejohanan Boling Terbuka Thailand September lalu.

membawa cabaran negara pada Kejohanan Boling Piala Dunia IBF 2022 di Australia bermula 11 hingga 23 November ini.

Dia yang akan membuat penampilan ketiganya dalam kejohanan itu bertekad membawa pulang pingat walaupun menyedari

bakal menerima tentangan sengit daripada pemain boling berkelas dunia di Queensland.

"Saya meletakkan sasaran untuk mendapat top 3, tak kisah dapat warma pingat apa sekali pun. Yang penting dapat bawa balik pingat dalam salah satu acara yang disertai

Pencapaian Rafiq Ismail

2019 - Southeast Asian Games - Emas

2018 - Kejohanan Boling Lelaki Dunia Hong Kong - Emas

2018 - Asian Games Indonesia - Emas

kerana ini merupakan pengalaman pertama saya beraksi di Australia," ujar anak keempat daripada lima orang adik-beradik ini.

Selain acara individu, Rafiq Ismail dijangka menyertai acara bersama-sama bersama Mohd Syafiq Ridhwan Abdul Malek yang merupakan satu-satunya pemain boling negara menjuarai Piala Dunia pada edisi 2012, selain Timmy Tan dan Tun Hakim Tun Hasnul Azam. WK

Pasukan dart YWP bakal sertai pelbagai pertandingan

DIANA AMIR

PASUKAN dart Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bakal menyertai pertandingan terbuka serta mengadakan perlawanan persahabatan dengan agensi-agensi tertentu sebagai persiapan menghadapi Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA) ke-14 yang akan diadakan pada Februari 2023.

Pengurusnya, **Siti Shazly Nabila Long Kechil** berkata persiapan tersebut dilakukan bagi memberi pendedahan kepada pemain memandangkan terdapat muka baharu yang menyertai PESAYA kali ini.

"Ini akan memberi pengalaman kepada mereka selain dalam masa yang sama dapat menimba ilmu daripada pemain-pemain luar yang lebih handal," ujarnya bagi sukan dart, YWP sedang melakukan fasa pemilihan terakhir pemain.

Shazly berkata antara pencabar terdekat YWP adalah dari Yayasan Sarawak memandangkan mereka berjaya menewaskan pasukan YWP pada PESAYA yang lalu.

"Dalam PESAYA ke-13 yang diadakan di Langkawi, kita berjaya mendapat naib juara dan diharapkan penganjuran pada kali ini pasukan YWP mampu memberi saungan hebat memandangkan kita mempunyai bakat-bakat baharu yang dilihat berpotensi merebut emas bagi



SEKITAR sesi pemilihan akhir pemain dart yang diadakan di Wisma YWP, baru-baru ini.



SHAZLYA



SYARIFAH



KAMARUZAMAN

Manakala **Kamaruzaman Mustapha** berkata PESAYA ke-14 merupakan kali ketiga dirinya mewakili YWP.

"Sudah tentu saya gembira apabila terpilih untuk mewakili YWP. Saya tiada jadual khusus untuk latihan tetapi apabila ada kelapanan dan selepas waktu bekerja, saya akan membuat balingan selama 10 hingga 15 minit sahaja," kongsinya.

Sebagai rekod, PESAYA yang akan berlangsung pada 9 hingga 18 Februari 2023 di Sarawak merupakan penganjuran kali ke-14 yang mempertandingkan 10 jenis sukan. Ia akan dikelolakan oleh Yayasan Sarawak dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Sarawak. WK

acara dart," ujarnya.

Dalam pada itu, salah seorang peserta dart, **Syarifah Nur Naqiyah Aledoos Syed Husain Aledoos** melahirkan rasa keterujaannya mewakili YWP buat pertama kali.

"Saya sangat teruja kerana ini merupakan kali pertama bermain dart dan apabila terpilih mewakili YWP ia merupakan satu peluang yang baik dan semestinya saya akan lakukan yang terbaik," katanya yang akan memberi fokus terhadap sesi latihan bersama ahli kumpulan.

PocketGP Championship 2022 pusingan ke-2: Pelumba cilik dicari

HAZIRAH HALIM

PEMINAT sukan permotoran mini 'pocket bike' pastinya teruja menanti Kejuaraan PocketGP pusingan kedua 2022 yang dijadualkan berlangsung pada 26 November ini di Aylezo Speedzone, Shah Alam.

Menariknya, perlumbaan pusingan kedua ini akan melibatkan penyertaan seramai 40 pelumba cilik berumur enam hingga 17 tahun termasuk beberapa orang pelumba dewasa yang akan berentap dalam lima kategori.

Persatuan Pocket Bike Malaysia

dalam satu kenyataan menjelaskan perlawanan pada kali ini menyaksikan kesemua pelumba cilik berentap di litar lumba Aylezo Speedzone yang panjangnya hampir 700 meter dengan 10 selekoh mencabar.

"Lebih menggerunkan, perlawanan yang akan bermula pada pukul 9 pagi hingga 5 petang ini turut menampilkan pelumba berbakat yang telah berentap di Kejohanan PocketGP sebelumnya iaitu, Qabil Irfan.

"Dia juga telah memenangi FIM



SUKAN permotoran mini 'pocket bike' semakin mendapat sambutan.

Ekonomi Malaysia bergerak ke arah pemulihan - Ismail Sabri

PERDANA Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberitahu bahawa keadaan ekonomi sudah semakin pulih daripada cabaran akibat pandemik COVID-19 yang telah mengubah cara kehidupan rakyat negara ini.

Katanya, beliau telah mendapat laporan daripada Gabenor Bank Negara dan Jabatan Perangkaan (DOSM) mengenai prestasi ekonomi negara yang kini sedang bergerak ke arah momentum pemulihan yang positif.

"Melalui usaha kerajaan yang membuat keputusan membuka semula sektor ekonomi dan juga pintu sempadan negara serta memperkasa usaha vaksinasi COVID-19, ia telah menunjukkan keputusan positif sekali gus dapat memelihara dengan baik kehidupan dan keselamatan."

"Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku ketiga 2022 telah mencatat pertumbuhan 14.2 peratus, lebih kukuh berbanding 8.9 peratus pada suku kedua dan lima peratus pada suku pertama tahun ini dan bagi sembilan bulan pertama 2022, ekonomi negara juga berkembang sebanyak 9.3 peratus, tertinggi sejak tahun 2000 atau lebih dua dekad yang lalu," katanya dalam ucapan ketika merasmikan pecah tanah Wisma Cuepacs Putrajaya pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, Presiden Cuepacs, Datuk Adnan Mat dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.

Menurut Ismail Sabri, penjawat awam perlu menerima hakikat bahawa dunia kini bergerak dengan pantas melalui kecanggihan teknologi, kadar literasi yang tinggi dan pengetahuan yang boleh



ISMAIL Sabri (tengah) menandatangani plak sebagai simbolik merasmikan Majlis Pecah Tanah Wisma Cuepacs di Putrajaya pada Isnin.

didapati di mana-mana sahaja telah menyebabkan landskap perkhidmatan awam perlu berubah.

"Saya menyeru kepada Keluarga Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kita dengan beradaptasi kepada keperluan perubahan.

"Pendigitalan, data analistik dan Internet Benda (*Internet of Things*) perlu diaplikasikan dengan sebaiknya, agar perkhidmatan mampu ditawarkan dengan lebih cepat, mudah dan ringkas," katanya.

Beliau turut menasihatkan penjawat awam agar mentaliti 'tahu segala-galanya' dan bergerak secara 'solo' perlu dibuang jauh-jauh sebaliknya mereka harus bekerja dalam satu pasukan bagi memastikan setiap dasar dapat dilaksanakan sebaiknya supaya manfaatnya dapat dirasai seluruh

rakyat.

"Perkara ini boleh direalisasikan dengan mempermudahkan dasar, peraturan dan proses kerja di pihak agensi awam serta menggalakkan libat urus dengan masyarakat dalam pembangunan negara.

"Penjawat awam juga perlu memiliki keupayaan Kepintaran Kontekstual dan Kepintaran Teknologi bagi mengaplikasikan pengetahuan serta penggunaan teknologi sedia ada untuk menghasilkan nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan.

"Bagi merealisasikannya, perubahan dasar, perundangan dan prosedur standard bagi menyokong penggunaan teknologi baharu seperti automasi proses robotik (RPA) dan kepintaran buatan (AI) perlu diintegrasikan dengan sistem sedia ada," katanya. WK



SYILING peringatan ini dikeluarkan dalam dua denominasi iaitu duit syiling emas dan perak.

Bank Negara keluar syiling emas 50 tahun KL

SYILING peringatan sempena Sambutan 50 Tahun Bandar Raya Kuala Lumpur sudah boleh ditempa melalui Bank Negara Malaysia (BNM) mulai 14 November lalu.

Menurut BNM, duit syiling peringatan ini dikeluarkan dalam dua denominasi iaitu duit syiling peringatan perak sterlin berwarna (pruf), mempunyai berat 31 gram dan diperbuat daripada perak sterlin dengan ketulenan 92.5.

"Nilai muka duit syiling ini ialah RM10 dan akan dijual pada harga RM275 sekeping. Sejumlah 1,000 keping telah ditempa.

"Manakala duit syiling peringatan emas Nordic Brilliant Uncirculated (B.U.) seberat 8.5 gram serta diperbuat daripada tembaga dan beberapa logam lain.

"Nilai muka duit syiling ini ialah RM1 dan akan dijual pada harga RM16.50 sekeping dan sejumlah 5,000 keping telah ditempa," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tempahan melalui pautan duit.bnm.gov.my mulai 10 pagi hari Isnin, 14 November hingga 11 malam Ahad, 27 November 2022. Untuk maklumat lanjut, layari bnm.gov.my/kl50. WK

Sharifah Rose, Noorkumalasari akui rupa paras penting untuk jadi artis



DEEL ANJER

ISU bakat atau rupa yang lebih penting sering menjadi perbualan dalam kalangan peminat dunia seni.

Ia menjadi lebih hangat apabila produser Datuk A. Aida dikecam kerana lebih mengutamakan rupa berbanding bakat.

Membincangkan secara lanjut perkara berkenaan, satu sesi forum bertajuk Antara Cantik dan Bakat? Di Manakah Pengukuh Kredibiliti? telah diadakan pada pagi Isnin bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Salah seorang panel program berkenaan, **Sharifah Rose** berpendapat memiliki paras rupa menawan boleh membuka jalan seseorang untuk mula menceburι bidang seni.

"Pada awal pembabitan dalam industri saya sangat risau sebab tiada pengalaman tetapi tetap mahu mencuba. Bagi saya benar rupa boleh jadi pembuka jalan namun perlulah ada inisiatif untuk terus belajar.

"Saya pernah dilabelkan sebagai pelakon 'kayu'. Kritikan itu saya jadikan sebagai pembakar semangat untuk perbaiki diri," katanya dalam program yang menampilkan Fahrin Ahmad sebagai moderator.

Program tersebut turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Prof Dr Md Nasir Ibrahim; Pengarah dan Penerbit Datuk Yusof Haslam serta pelakon Noorkumalasari dan Hariz Hamdan.

Berkongsi pengalaman ketika mula menceburι bidang lakonan satu ketika dahulu, Noorkumalasari juga bersetuju paras rupa amat penting kerana ia merupakan kehendak penonton.

Bagaimanapun ujarnya, jika seseorang pelakon itu mempunyai bakat yang besar, istilah cantik itu dapat diterjemahkan menerusi kualiti lakonan yang

disampaikan.

"Penonton mahu melihat rupa dan bakat, jadi memang tidak boleh dinafikan seseorang pelakon itu perlu ada paras rupa cantik. Memiliki kedua-dua itu adalah satu anugerah.

"Pun begitu seorang pelakon yang kurang dari segi paras rupa namun ada bakat besar dia masih boleh menjadi watak utama. Lihat bagaimana industri Hollywood ketengahkan bakat mereka. Cantik itu boleh dilihat menerusi watak yang mereka sampaikan," jelasnya.

Turut hadir Pengerusi FINAS, Senator Datuk Seri Zurainah Musa; Penerbit Datuk A. Aida; Ketua Kluster Komunikasi Pusat Pengajaran Media & Komunikasi UKM, Dr Ammar Redza Ahmad Faizal serta Presiden Persatuan Penulis Wartawan & Penulis Hiburan Malaysia (WHAM), Datuk Tengku Khalida Tengku Bidin.

Acara tersebut merupakan anjuran FINAS sempena Festival Filem Malaysia ke-32 (FFM32) dengan kerjasama WHAM dan Pusat Pengajaran Media & Komunikasi, UKM. WK